



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

LAPORAN TAHUNAN 2021







KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



LAPORAN TAHUNAN 2021



ISI KANDUNGAN



	
V Perutusan Menteri	72 Bahagian Pentadbiran
VII Perutusan Ketua Setiausaha	80 Bahagian Pembangunan
IX Carta Organisasi	90 Bahagian Akaun
1 Laporan Pencapaian / Pelaksanaan Program / Aktiviti Tahun 2021	100 Bahagian Pengurusan Maklumat
4 Bahagian Logistik dan Pengangkutan Darat	110 Unit Audit Dalam
16 Bahagian Maritim	116 Biro Siasatan Kemalangan Udara
28 Bahagian Udara	
38 Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa	
58 Bahagian Pengurusan Sumber Manusia	



PERUTUSAN MENTERI PENGANGKUTAN MALAYSIA


Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia

Pertamanya, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kerana diberi kesempatan untuk menyampaikan kata-kata aluan di dalam buku Laporan Tahunan Kementerian Pengangkutan Malaysia bagi tahun 2021.

Tahun 2021 merupakan tahun yang penuh mencabar bagi kita semua setelah dunia masih dibelenggu dengan pandemik COVID-19 di mana negara kita tidak terkecuali menghadapi situasi ini. Dalam usaha Kementerian Pengangkutan (MOT) mendepani cabaran pandemik COVID-19, pelbagai usaha dan inisiatif telah dirangka supaya sektor pengangkutan negara terus beroperasi dengan baik dan lancar terutamanya semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) atau Pelan Pemulihan Negara (PPN) memandangkan sektor pengangkutan merupakan salah satu sektor yang tergolong dalam perkhidmatan *essential* atau perlu dalam situasi yang sukar ini.

Bagi mendepani pandemik ini, kerajaan telah memberikan beberapa insentif atau bantuan kepada mereka yang terlibat dalam industri pengangkutan bagi membantu meringankan kos sara hidup seperti memberi bantuan kepada pemandu e-hailing dan teksi, pemandu bas pelancong, pemandu bas sekolah dan lain-lain lagi. Selain itu, inisiatif untuk pengguna pengangkutan awam juga terus diperkenalkan atau diberikan seperti Pas Perjalanan Tanpa Had MyRail5 bagi golongan pelajar sekolah dan golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan Pas Perjalanan My30 yang menawarkan perjalanan tanpa had selama 30 hari kepada pengguna perkhidmatan tren dan bas di Lembah Klang, yang seterusnya diperluaskan penggunaannya sehingga ke Pulau Pinang melalui Pas Mutiara dan Kuantan melalui Pas Lestari.

Di samping itu, MOT juga telah berjaya membangunkan Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) untuk melancarkan pergerakan kenderaan barang dan aktiviti sektor logistik agar dapat terus beroperasi dengan lancar dan selamat sepanjang tempoh PKP/PPN.



Selain dari itu, saya juga amat berpuas hati dengan pencapaian prestasi MOT dalam beberapa projek pembangunan bagi tahun 2021 yang mana MOT telah berjaya menyiapkan beberapa projek infrastruktur pengangkutan iaitu projek pembinaan Lapangan Terbang baharu Mukah, Sarawak; pembinaan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) Baharu dan sistem-sistem berkaitan bagi *Kuala Lumpur Flight Information Region (FIR)*; penggantian dan penambahbaikan Sistem Pengurusan Trafik Udara di Kota Kinabalu Flight Information Region (merangkumi Sabah dan Sarawak); dan Tren Diesel Multiple (MU) menggantikan perkhidmatan Tren Diesel Konvensional KTM Intercity. Projek-projek ini sememangnya amat penting dalam usaha meningkatkan kualiti sistem perkhidmatan pengangkutan dalam memastikan dan menjamin keselesaan dan keselamatan serta kesejahteraan rakyat.

Kejayaan demi kejayaan terus melakar kecemerlangan MOT dalam tahun 2021 di mana Malaysia telah berjaya mengekalkan kerusi sebagai Ahli Majlis International Maritime Organization (IMO) Kategori C bagi penggal 2022-2023 semasa Perhimpunan Agung International Maritime Organization (IMO) Sesi ke-32 yang diadakan pada bulan Disember 2021.

Kesemua kejayaan dan pencapaian ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa semangat dan budaya kerja cemerlang yang dipamerkan oleh warga kementerian dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab mereka seiring dengan misi dan visi kementerian bagi memastikan sistem pengangkutan pelbagai mod bertaraf dunia yang cekap, bersepadu, selamat, mampan dan mesra pengguna.

Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada seluruh warga Kementerian Pengangkutan di atas segala usaha dan khidmat yang telah diberikan sepanjang tahun 2021 dan tahniah dalam menerbitkan Laporan Tahunan Kementerian Pengangkutan Tahun 2021 bagi memberi gambaran menyeluruh mengenai fungsi dan peranan serta pencapaian kementerian sepanjang tahun 2021. Saya berharap agar MOT akan kekal efisien dalam menyediakan perkhidmatan yang terbaik untuk kesejahteraan rakyat dengan perancangan pelbagai projek yang dirangka untuk dilaksanakan pada tahun-tahun yang mendatang.

Sekian, Selamat Maju Jaya.

**YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong
Menteri Pengangkutan Malaysia**



PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

Syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana Laporan Tahunan 2021 Kementerian Pengangkutan ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Penerbitan ini sudah tentu akan memberi peluang kepada masyarakat awam untuk mengetahui dengan lebih lanjut tentang dasar, program, aktiviti, inisiatif serta pencapaian Kementerian Pengangkutan (MOT) sepanjang tahun 2021. Penerbitan ini juga merupakan satu platform untuk rakyat mengenali dengan lebih lanjut mengenai fungsi dan peranan MOT sebagai peneraju sektor pengangkutan negara.

Pada tahun 2021 sektor pengangkutan negara masih lagi terkesan akibat pandemik COVID-19 yang telah melanda semenjak tahun 2020. Namun begitu, MOT terus bergerak dalam melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya mengikut Standard Operating Procedure (SOP) yang telah digariskan dalam menangani penularan COVID-19. Bagi memastikan sektor pengangkutan berjalan dengan selamat, MOT telah bekerjasama dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam melancarkan Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan meliputi ketiga-tiga sektor perkhidmatan iaitu maritim, udara dan darat melibatkan pemberian vaksin kepada barisan hadapan sektor pengangkutan.

Di samping itu, MOT terus berusaha bagi memantapkan sistem pengangkutan melalui pelbagai program transformasi dan inisiatif untuk mewujudkan satu rangkaian sistem pengangkutan yang bersepadu, cekap, efisien, selamat dan mesra pengguna selaras dengan apa yang digariskan dalam Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (DPN 2019-2030).

Justeru itu, pelbagai projek infrastruktur pengangkutan berskala besar yang dirancang telah dilaksanakan dan disiapkan bagi meningkatkan kapasiti rangkaian pengangkutan dalam negara terutamanya dalam aspek peningkatan kecekapan perkhidmatan sedia ada. Antaranya seperti Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak; Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) di Sepang, Selangor; pelancaran Tren Multiple Unit bagi menggantikan perkhidmatan tren Diesel Konvensional KTM Intercity; dan lain-lain projek sektor pangangkutan bagi manfaat kepada orang awam.



Saya juga merasa amat berbangga kerana MOT telah berjaya menghasilkan Manual Sistem Pengurusan Antirasuah (SPAR) Kementerian Pengangkutan Malaysia sebagai rujukan dan panduan kepada bahagian dan unit di MOT bagi keperluan penyediaan dokumentasi ke arah mendapatkan pensijilan ABMS. Dengan pembangunan dan pelaksanaan Pensijilan ABMS dan penghasilan Manual SPAR ini, ia membuktikan bahawa MOT seiring dengan seruan Kerajaan dalam menjadikan organisasi sebagai penanda aras kecemerlangan tadbir urus, integriti dan bebas rasuah. Ia juga menunjukkan komitmen MOT dalam mengamalkan toleransi sifar terhadap sebarang bentuk amalan rasuah yang dapat mewujudkan ekosistem penyampaian perkhidmatan MOT yang bereputasi tinggi, melangkaui ekspektasi pemegang taruh dan rakyat.

Akhir kata, diharapkan segala usaha, inisiatif dan aktiviti yang dijalankan oleh kementerian sepanjang tahun 2021 memberikan impak positif dalam menyumbang kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Adalah diharapkan juga agar pencapaian-pencapaian yang dikecapi oleh kementerian dapat dikekalkan dan dipertingkat pada tahun-tahun akan datang.


Di kesempatan ini juga saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan tahniah kepada pasukan yang telah bertungkus lulus dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan Kementerian Pengangkutan bagi tahun 2021. Semoga Kementerian Pengangkutan terus cemerlang dalam melaksanakan fungsi, peranan dan tanggungjawabnya pada tahun-tahun berikutnya.

Sekian, Wassalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh

**YBhg. Datuk Isham Ishak
Ketua Setiausaha
Kementerian Pengangkutan Malaysia**

CARTA ORGANISASI

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA



**Timbalan Ketua
Setiausaha (Dasar)**
Puan Normah binti Osman

**Ketua Unit Penasihat
Undang-Undang**
Pn. Azlin binti Sabtu

**Setiausaha Bahagian
Pengangkutan Darat**
En. Wan Mohd Asraf bin
Wan Salleh


**Ketua Unit
Komunikasi Korporat**
En. Muhammad Sabri
bin Salleh

**Setiausaha Bahagian
Perancangan Strategik &
Antarabangsa**
Dr. Rosbi binti Abd
Rahman

**Setiausaha Bahagian
Udara**
En. Mohamad Radzuan
bin Mazlan


**Setiausaha Bahagian
Maritim**
Kapten Mohamad Halim
bin Ahmad





LAPORAN PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

BAHAGIAN LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN DARAT





BAHAGIAN LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN DARAT



BAHAGIAN LOGISTIK DAN PENGANGKUTAN DARAT

LATAR BELAKANG



Tahun 2021 masih lagi memberikan cabaran kepada kebanyakan industri termasuklah industri pengangkutan susulan daripada pandemik COVID-19 yang masih berterusan sejak tahun 2020. Pelaksanaan pelbagai langkah bagi membendung risiko jangkitan COVID-19 terbukti memberi impak terhadap operasi pengangkutan awam, bukan sahaja dari segi jumlah penumpang tetapi juga aspek pilihan orang ramai untuk bergerak secara selamat.

Kalangan pengendali perkhidmatan tersebut juga perlu menyesuaikan diri dengan norma baharu seperti penyediaan cecair pembasmi kuman, memastikan pekerja dan penumpang memakai pelitup muka serta penjarakan fizikal sebagaimana ditetapkan oleh prosedur operasi standard (SOP) Kementerian Kesihatan. Tidak dinafikan, situasi yang masih mencabar ini menyukarkan pihak pengendali yang sudah sedia diasak tekanan kewangan selain bergelut untuk melonjakkan jumlah kapasiti ke paras sebelum pandemik itu berlaku.

Bagi merancakkan kembali ekonomi dan juga membantu industri dan juga rakyat yang terkesan akibat COVID-19 ini, terdapat beberapa insentif yang telah diperkenalkan oleh Kerajaan. Projek mega pengangkutan juga masih diteruskan bagi memperkasa dan membangunkan lagi sektor pengangkutan darat. Di antara projek-projek tersebut termasuklah projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Berkapasiti Tinggi (MRT) dan juga projek Sistem Transit Rapid (RTS) antara Johor Bahru dan Singapura. Kelangsungan projek berskala besar ini secara langsung akan dapat meningkat kembali ekonomi dan juga akan membuka lebih banyak peluang pekerjaan.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Inisiatif Pengangkutan Awam Darat

i. Pas Perjalanan Tanpa Had MyRail5

Pas Perjalanan Tanpa Had MyRail5 ini telah dilancarkan pada 26 Mac 2021 oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia bertempat di Aras 2, KL Sentral. Inisiatif ini telah diumumkan oleh mantan YAB Perdana Menteri semasa membentangkan Belanjawan 2021 bertujuan untuk mengurangkan bebanan kos sara hidup yang mampu memberi kesan terhadap kesejahteraan rakyat, terutamanya bagi golongan pelajar sekolah dan Orang Kurang Upaya (OKU) yang menggunakan pengangkutan awam darat terutama di kawasan pedalaman bagi memenuhi keperluan rakyat. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta bagi membayai pelaksanaan program ini.

Melalui inisiatif ini, golongan pelajar sekolah dan OKU berwarganegara Malaysia akan menikmati perjalanan bulanan tanpa had bagi perkhidmatan Komuter Lembah Klang, Komuter Utara dan Tren Antarabandar dari Kuala Lipis hingga Tumpat yang dikendalikan oleh KTMB dengan membayar RM5 sebulan bermula 1 Januari 2021 – 31 Disember 2021.



BAHAGIAN LOGistik DAN PENGANGKUTAN DARAT



ii. Pas My30 – Lembah Klang/ Kuantan/ Pulau Pinang

Pas Perjalanan Tanpa Had My30 menawarkan perjalanan tanpa had selama 30 hari di kesemua rangkaian Rapid KL. Pas ini mula diperkenalkan sejak tahun 2020 yang melibatkan perkhidmatan tren dan bas di Lembah Klang dan diperluaskan penggunaannya sehingga ke Pulau Pinang melalui Pas Mutiara dan Kuantan melalui Pas Lestari pada tahun 2021. Tujuan utama Pas Perjalanan Tanpa Had My30 ini diwujudkan kepada warganegara Malaysia adalah untuk meringankan beban kewangan akibat pandemik COVID-19.

Pas My30 ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan sepanjang ianya diperkenalkan pada tahun 2021. Melalui rekod yang disediakan oleh pihak Prasarana, pada tahun 2021, Pas Perjalanan Tanpa Had My30 telah terjual sebanyak 990,318 pas yang merangkumi kawasan Lembah Kelang, Pulau Pinang dan Kuantan.




Kempen Keselamatan Penunggang P-Hailing

Penularan virus COVID-19 di Malaysia pada tahun 2021 telah mengakibatkan ramai rakyat di negara ini memilih untuk mencari sumber pendapatan dengan menyertai industri ekonomi gig. Sehingga kini, dianggarkan seramai 60,000 orang telah mendaftar sebagai penghantar bagi perkhidmatan penghantaran makanan dan bungkusuan (parcel) menggunakan motosikal atau p-hailing di Malaysia.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kadar kemalangan dan kecederaan dalam industri ini, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bersama dengan agensi di bawahnya iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) dengan kerjasama operator perkhidmatan dan Persatuan Penghantar P-Hailing Malaysia (PENGHANTAR) telah melaksanakan "Kempen Keselamatan Penunggang P-hailing" dengan tema 'Penunggangan Cermat, Penghantaran Selamat' bertempat di IOI City Mall", Putrajaya pada 9 April 2021.

Penganjuran kempen ini adalah untuk meningkatkan kesedaran penunggang p-hailing terhadap kepentingan menjaga keselamatan diri dan pengguna jalan raya yang lain semasa membuat penghantaran bagi mengurangkan kadar kemalangan jalan raya melibatkan penunggang p-hailing. Hebahan pelaksanaan kempen melalui jerayawara (roadshow) juga tidak tertumpu kepada penunggang p-hailing malah turut melibatkan orang awam sebagai pengguna kepada perkhidmatan ini.



Kajian pemerhatian tingkah laku p-hailing yang telah dilaksanakan oleh pihak MIROS sepanjang tahun 2021 mendapati bahawa sebanyak 62 peratus (%) penunggang p-hailing melakukan kesalahan berhenti di petak kuning atau lintasan pejalan kaki. Oleh itu, mesej keselamatan jalan raya adalah penting untuk disampaikan melalui pop-up aplikasi yang digunakan oleh operator serta sesi taklimat dan peringatan mengenai keselamatan jalan raya perlu disampaikan kepada penunggang p-hailing sebelum memulakan tugas. MOT dan agensi di bawahnya juga telah melaksanakan teguran atau peringatan secara langsung kepada semua penunggang motosikal di persimpangan lampu isyarat yang dilengkapi kamera litar tertutup dan sistem pembesar suara seperti yang telah dilaksanakan oleh pihak JPJ dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj) dalam melaksanakan pemantauan dan hebahan advokasi melalui CCTV dan speaker horn di Putrajaya Command Centre, Perbadanan Putrajaya.

Sesi libat urus, kempen dan program advokasi akan terus dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pengiktirafan dan kerjasama dari syarikat perkhidmatan penghantaran ini merupakan langkah proaktif kerajaan untuk mendidik tingkah laku penunggangan yang berisiko kepada cara penunggangan yang selamat agar visi untuk mengurangkan kadar kemalangan maut melibatkan penunggang p-hailing dapat direalisasikan.



Sesi Libat Urus Akhir Pembangunan Pelan Keselamatan Jalan Raya (PKJRM) 2022-2030

Sebagai salah satu usaha menangani isu keselamatan jalan raya di Malaysia dan selari dengan usaha peringkat global dalam menangani isu keselamatan jalan raya di bawah United Nations Decade of Action for Road Safety, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah memperkenalkan satu dokumen rujukan rasmi yang dinamakan sebagai Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (PKJRM) sejak tahun 2006. Dokumen versi pertama telah bermula pada tahun 2006-2010 dan versi kedua adalah pada tahun 2014-2020. Oleh itu, bagi meneruskan kesinambungannya PKJRM 2022-2030 telah dibangunkan hasil daripada beberapa siri bengkel bersama pemegang taruh. Susulan daripada siri bengkel tersebut, sesi libat urus akhir pembangunan PKJRM 2022-2030 telah diadakan pada 12 April 2021 di Hotel Marriott bersama pengurusan tertinggi kerajaan dan agensi yang terlibat dalam pembangunan PKJRM 2022-2030.

Secara dasarnya semua pihak bersetuju dengan kandungan PKJRM 2022-2030 yang mempunyai visi, misi dan sasaran utama yang disokong dengan 23 sub bidang dan 58 strategi. Visi untuk PKJRM 2022-2030 ialah "Malaysia, sebuah negara sifar kematian di jalan raya" iaitu sejajar dengan visi sifar yang diamalkan oleh negara-negara maju seperti Sweden, Netherlands dan New Zealand. Manakala, misi untuk PKJRM 2022-2030 ialah "Membudayakan keselamatan jalan raya ke arah kesejahteraan negara" dan sasaran utama adalah untuk mencapai sekurang-kurangnya 50 peratus (%) pengurangan bilangan kematian akibat nahas jalan raya pada tahun 2030. Bagi mencapai sasaran pengurang 50 peratus (%) kematian akibat nahas jalan raya, 10 Bidang Keutamaan (BK) telah diperkenalkan. Dokumen lengkap PKJRM 2022-2030 boleh dirujuk di laman sesawang MOT.



Majlis Pelancaran Tren DMU Di Pasir Mas, Kelantan

Majlis Pelancaran Tren Diesel Multiple Unit (DMU) telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia pada 11 April 2021 bertempat di Stesen Kereta Api Pasir Mas, Kelantan. Sebelum menyempurnakan majlis pelancaran tersebut, YB Menteri Pengangkutan telah menaiki tren DMU tersebut dari Stesen Wakaf Bharu ke Stesen Pasir Mas.

Tren DMU diperkenalkan khusus untuk menggantikan perkhidmatan tren diesel konvensional KTM Intercity untuk jajaran Pantai Timur bagi sektor Tumpat – Kuala Lipis. Tren DMU mempunyai empat (4) koc yang mana setiap unit dilengkapi dengan fasiliti moden seperti skrin LED, soket kuasa, ruang solat, tandas, bistro dan ruang menyimpan barang. Tren DMU juga mesra untuk Orang Kurang Upaya (OKU) iaitu mempunyai empat (4) tempat duduk dan tandas yang memenuhi keperluan penumpang OKU. Larian komersial tren DMU akan dijalankan secara berperingkat dan larian pertama tren bermula pada 11 April 2021 bagi laluan Tumpat – Gua Musang dan Gua Musang – Kuala Lipis.

Turut hadir semasa majlis pelancaran ini ialah wakil rasmi Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Sri Haji Azami Mohd Nor; Timbalan Menteri Pengangkutan, YB Datuk Haji Hasbi Haji Habibollah; Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, YBhg. Datuk Isham Ishak; Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC), Encik Adam Abu Hanipah; dan Ketua Pengarah, Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Encik Azlan Shah Al Bakri.



Program Vaksinasi Bagi Sektor Darat

Program Vaksinasi Barisan Hadapan Ekonomi bagi Sektor Pengangkutan telah dilaksanakan dengan pembukaan Pusat Pemberian Vaksin Industri (PPVIN) di Stesen LRT Putra Heights, Subang Jaya pada 19 Julai 2021 dan Stesen KL Sentral, Kuala Lumpur pada 26 Julai 2021.

Program ini telah mendapat kelulusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) dan ianya merupakan inisiatif bersama Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dengan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Bilangan penerima vaksin yang terlibat di PPVIN Putra Heights adalah seramai 2,598 orang yang merangkumi kakitangan Prasarana khususnya daripada perkhidmatan rel dan juga kakitangan Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (MRT Corp). Bilangan penerima vaksin yang terlibat di Kompleks Rapid Bas Cheras Selatan pula adalah seramai 2,914 orang yang kebanyakannya terdiri daripada kakitangan operasi perkhidmatan bas.

Manakala di KL Sentral, seramai 1,451 orang kakitangan KTMB termasuk anak syarikatnya, iaitu Multimodal Freight Sdn Bhd dan KTM Distribution serta 390 orang kakitangan ERL dan ERL Maintenance Support Sdn Bhd telah menerima suntikan vaksin di PPVIN Stesen KL Sentral mulai 26 Julai 2021. Mereka merupakan kakitangan barisan hadapan daripada pelbagai bidang kerja yang belum menerima suntikan vaksin dos pertama. Kakitangan KTMB yang menerima vaksin di PPVIN KL Sentral merupakan kakitangan dari Tanjung Malim hingga ke Gemas. Kakitangan KTMB yang berada di luar PPVIN ini telah dibawa dengan tren khas untuk ke KL Sentral.

Selain itu, beberapa PPVIN Sektor Darat turut dibuka di tempat seperti berikut:

- Akademi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pada 12 Ogos 2021; dan
- ECRL Dungun dan Chukai serentak pada 16 Ogos 2021;

Pembukaan PPVIN ini merupakan salah satu usaha Kerajaan untuk memperluaskan pemberian vaksin kepada sektor pengangkutan yang dikategorikan antara salah satu perkhidmatan perlu (essential services) bagi memastikan pergerakan barang dan penumpang tidak terjejas dan dalam masa yang sama demi memastikan kelangsungan hidup rakyat.



Larangan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu Untuk Berada Di Atas Jalan

Kementerian Pengangkutan telah mewartakan Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Penggunaan Kenderaan Mikromobiliti Tertentu) 2021 berkuatkuasa pada 17 Disember 2021. Peraturan ini adalah untuk melarang 3 jenis / perihalan kenderaan mikromobiliti iaitu Moped, Personal Mobility Devices (PMD) dan Personal Mobility Assistant (PMA) daripada digunakan di atas jalan. Maksud dilarang digunakan di atas jalan adalah tidak dibenarkan sewenang-wenangnya digunakan seperti kenderaan motor lain dan bercampur dengan aliran trafik lain di atas jalan termasuk di atas lebuhraya. Penggunaan kenderaan ini di atas jalan adalah sangat berisiko memandangkan ianya digunakan di atas jalan yang mempunyai mix traffic (bercampur dengan mod kenderaan lain) dan ianya mempunyai perbezaan had laju dan tidak dibina khusus untuk kegunaan seperti kenderaan motor lain di atas jalan.

Peraturan larangan ini dikeluarkan atas prinsip keselamatan jalan raya memandangkan penggunaan kenderaan ini adalah tidak selamat dan tiada elemen pemantauan / kawalan peraturan sedia ada seperti aspek kompetensi pemanduan, pelesenan pemandu, kawal selia pembinaan kenderaan dan pendaftaran kenderaan sekiranya berlaku sesuatu kemalangan. Ianya bagi melindungi kebijakan dan keselamatan semua pengguna jalan raya termasuk pengguna kenderaan mikromobiliti sendiri.

Walau bagaimanapun, pihak berkuasa yang berkenaan termasuk Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh menyediakan infrastruktur khas dan selamat seperti laluan khas kenderaan mikromobiliti (seperti laluan basikal) dan mengemukakan permohonan kepada MOT untuk dikecualikan daripada larangan ini, dengan syarat bahawa pembangunan infrastruktur berkenaan adalah mematuhi semua garis panduan yang telah dibangunkan oleh PlanMalaysia dan mematuhi semua elemen keselamatan dan peraturan penggunaan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa yang berkenaan.

Pengujian Kenderaan Automated Rapid Transit (ART)

Proof of Concept (POC) kenderaan Automated Rapid Transit (ART) telah dilaksanakan bermula pada 8 April 2021 sehingga 30 Ogos 2021 di Johor Bharu. Pengujian kenderaan ART ini dilaksanakan bagi tujuan mengkaji tahap keselamatan dan kebolehgunaan kenderaan ini di atas jalan raya di Malaysia. Kenderaan ART ini mampu bergerak dengan kelajuan maksimum 70km/j dan mampu membawa lebih kurang tiga ratus (300) orang penumpang dalam satu-satu masa dan menggunakan sumber elektrik.

Penggunaan ART ini di masa depan sebagai salah satu pengangkutan awam di Malaysia adalah selari dengan Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030, Dasar Automotif Negara 2020 dan Green Technology Master Plan 2017-2030.



Nota Kerjasama Antara Kementerian Kesihatan Malaysia dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menandatangani satu Nota Kerjasama ke arah usaha sama strategik dalam bidang keselamatan pengangkutan jalan dan pendidikan kesihatan melibatkan pembangunan kompetensi pemandu ambulans, khidmat kejuruteraan automotif dan pengurusan inovasi program keselamatan jalan raya pada 6 April 2021 bertempat di Kementerian Kesihatan, Putrajaya.

Usaha sama kolaboratif ini akan memfokuskan kepada pelaksanaan program-program di dalam bidang yang merupakan *common interests* kepada kedua-dua Kementerian untuk tempoh lima (5) tahun, mulai 2021 hingga 2025.


Melalui Nota Kerjasama ini, kedua-dua kementerian akan membentuk Jawatankuasa Pemandu dan Jawatankuasa Kerja bagi merangka dan melaksanakan program-program yang menggunakan pendekatan “whole of government approach” dan “whole of society approach”. Menerusi Nota Kerjasama ini juga, Program Pembangunan Modal Insan KKM akan dijalankan dengan agensi di bawah MOT, khususnya oleh pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) melibatkan pentaulahan pemandu ambulans menerusi pembangunan kompetensi yang merangkumi pembangunan modul, latihan, kursus, penilaian dan penyeliahan berkaitan serta kerjasama dalam pelaksanaan program cross fertilization dan On The Job Training (OJT) yang melibatkan bidang kejuruteraan automotif.

Nota kerjasama ini telah ditandatangani oleh YBhg. Dato' Mohd Shafiq Abdullah, Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia dan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia dengan disaksikan oleh YB. Dato' Sri Dr Adham Baba, Menteri Kesihatan Malaysia dan YB. Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia.





BAHAGIAN MARITIM








BAHAGIAN MARITIM

LATAR BELAKANG



Sektor maritim memainkan peranan penting dalam menjana kemakmuran sesebuah negara. Melihat kepada sejarah maritim negara pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka, antara aktiviti ekonomi utamanya adalah perdagangan dan ia adalah hasil aktiviti maritim yang aktif pada waktu itu dengan pedagang dari Timur serta Barat singgah berdagang. Kehadiran pedagang dari seluruh dunia ini memberikan nilai tambah kepada kerajaan dan rakyat Melaka pada ketika itu. Rakyat dapat melaksanakan aktiviti perniagaan dengan lancar dan kerajaan dapat memungut hasil cukai pedagang.

Pada masa kini, perkembangan ekonomi negara bergantung kepada sektor pengangkutan maritim kerana industri perkapalan turut menyumbang terhadap import eksport dagangan. Pelbagai barang dagangan dapat diangkut dalam kuantiti yang besar melalui jalan laut dengan menggunakan kapal-kapal dagang dengan kos yang paling efektif dan mesra alam berbanding mod pengangkutan yang lain dan seterusnya singgah di pelabuhan-pelabuhan utama negara. Oleh itu, tahap kecekapan dan produktiviti pelabuhan-pelabuhan perlu dipertingkatkan kerana ia merupakan pintu keluar masuk yang penting dalam memastikan aktiviti ekonomi negara kian kukuh, malah semakin berkembang.

Bagi mencapai kelestarian dan kemakmuran negara, sektor maritim memainkan peranan amat penting. Data yang dikeluarkan oleh Majlis Perkapalan Sedunia dan laporan Persidangan Mengenai Perdagangan dan Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCTAD) menunjukkan lebih 80 peratus perdagangan dunia adalah melalui laut. Secara keseluruhannya, ini menunjukkan sektor maritim memainkan peranan yang penting dalam mengembangkan ekonomi penduduk dan negara serta ia menjadi pemangkin dalam mendorong kemajuan sesebuah negara.

Limpahan hasil daripada sektor maritim menjamin kelestarian dan kemakmuran negara dengan perancangan yang mampan. Ia terbukti dengan pembangunan pelabuhan di seluruh negara termasuk pelabuhan Persekutuan utama iaitu Pelabuhan Klang, Pelabuhan Johor, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Pelabuhan Kuantan, Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Bintulu dan Pelabuhan Kemaman.

Manakala Pelabuhan di Sabah dan Sarawak pula tertakluk kepada bidang kuasa kerajaan negeri terbabit. Pelabuhan ini dibina untuk merancakkan aktiviti ekonomi terutamanya industri di sekitarnya dengan menyediakan akses kepada jaringan pengangkutan yang baik. Ia akan membolehkan sektor ekonomi setempat berkembang ke peringkat nasional dan global.

Malaysia memainkan peranan aktif dalam banyak forum Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) khususnya Program Kerjasama Teknikal Antarabangsa (ITCP). Malaysia juga menyertai Projek IMO Green Voyage 2050 yang merupakan satu inisiatif bersama IMO dan negara Norway dan baru-baru ini telah memulakan projek perintis untuk menyokong peralihan perkapalan ke masa depan yang rendah karbon. Komitmen serta kerjasama sedia ada ke arah usaha untuk masa hadapan, memaju dan mengukuhkan hubungan pelbagai kerjasama antara Malaysia dengan IMO perlu diteruskan dan sebagai balasannya, akan melengkapkan misi jangka panjang untuk mempromosikan perkapalan yang selamat, terjamin, mesra alam, efisien dan mampan.

Selain itu, sektor pengangkutan maritim perlu diberikan penekanan serius oleh Kerajaan dan pemain industri agar ekonomi dapat berkembang secara berterusan dan mampu bertahan dalam era konflik seperti krisis ekonomi dan juga kesihatan seperti penularan wabak COVID-19.



BAHAGIAN MARITIM

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Malaysia Mengekalkan Kerusi Ahli Majlis International Maritime ORGANIZATION (IMO) Kategori C Bagi Penggal 2022 – 2023.

Semasa Perhimpunan Agung International Maritime Organization (IMO) Sesi ke-32 pada 6-10 Disember 2021, Malaysia telah berjaya dipilih semula sebagai Ahli Majlis IMO Kategori C penggal 2022-2023. Ini adalah merupakan penggal kesembilan berturut-turut Malaysia selaku Ahli Majlis IMO. Malaysia menduduki tangga ke-6 daripada 20 kerusi dengan jumlah undian sebanyak 128 daripada keseluruhan 159 undian.





Pioneer Pilot Countries



China
Maritime Safety
Administration



Georgia
Maritime Transport Agency



India
Directorate General of
Shipping



Malaysia
Ministry of Transport



South Africa
Ministry of Transport

Malaysia Menyertai Projek International Maritime Organization (IMO) - Norway Green Voyage 2050 (GV2050) Sebagai Pioneer Pilot Country (PPC)

Malaysia secara rasmi menyertai International Maritime Organization (IMO) Green Voyage 2050 (GV2050) pada Jun 2021 sebagai Pioneer Pilot Country (PPC). GV2050 menyasarkan untuk meningkatkan kebolehan kerajaan dan badan pengurusan pelabuhan dalam melaksanakan pembaharuan dasar dan perundungan. Ianya juga menyediakan Pelan Tindakan Nasional, meningkatkan kerjasama awam-swasta, pembangunan kapasiti dan membolehkan penggunaan teknologi dan inovasi baru bagi menurunkan kadar pelepasan gas rumah hijau (Greenhouse Gas - GHG).

Sebagai PPC, Malaysia bertanggungjawab untuk membangunkan National Action Plan (NAP) yang komprehensif bagi mengurangkan pelepasan GHG dari industri maritim dan perkapalan sejajar dengan Initial IMO Strategy on Reduction of GHG Emissions from Ships. Strategi ini menyasarkan pengurangan pelepasan GHG tahunan daripada perkapalan antarabangsa sekurang-kurangnya lima puluh peratus (50%) menjelang tahun 2050 berbanding garis pangkal pada tahun 2008.

BAHAGIAN MARITIM

Malaysia Menandatangani dan Meratifikasi Konvensyen International Organization For The Marime Aids To Navigation (IALA)

International Association of Maritime Aids to Navigation and Lighthouse Authorities (IALA) adalah persatuan teknikal antarabangsa yang ditubuhkan pada tahun 1957 bagi menggalakkan pergerakan kapal yang selamat, ekonomi dan efisien melalui peningkatan dan pengharmonian bantuan navigasi marin di seluruh dunia untuk kepentingan komuniti maritim dan perlindungan alam sekitar. Persatuan ini mensasarkan pembangunan amalan terbaik menerusi piawaian, cadangan, garis panduan dan model kursus yang ditetapkan. Selain itu, IALA menggalakkan kerjasama di antara negara untuk membantu negara-negara membangun dalam menyediakan bantuan navigasi marin mengikut standard yang ditetapkan. Malaysia telah menyertai IALA sejak 2 Januari 1962 dan menjadi ahli Majlis IALA sejak tahun 2002.

Pada bulan Mei 2014, Perhimpunan Agung IALA di Sepanyol telah menetapkan resolusi untuk mengubah status IALA kepada *intergovernmental organization* (IGO) melalui instrumen perjanjian antarabangsa bagi meningkatkan kebolehlaksanaan peranan IALA dan memastikan pencapaian sasaran IALA di masa hadapan. Justeru, Konvensyen *International Organization for Marine Aids to Navigation* telah dimuktamadkan semasa pengajuran konferen diplomatik di Kuala Lumpur, Malaysia pada 25 hingga 28 Februari 2020. Konferen tersebut dihadiri oleh delegasi dari 52 buah negara dan menghasilkan *Final Act* bagi konvensyen berkenaan yang telah ditandatangani oleh 50 buah negara. Susulan itu, Perancis sebagai negara depositary konvensyen tersebut dan negara pertama yang menandatangani Konvensyen *International Organization for Marine Aids to Navigation* pada 27 Januari 2021, telah mengemukakan Nota Diplomatik kepada 190 duta di seluruh dunia pada 21 April 2021 untuk menandatangan konvensyen tersebut sebelum atau selewat-lewatnya pada 26 Januari 2022.

Malaysia diwakili oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia, telah menandatangani Konvensyen *International Organization for Marine Aids to Navigation* pada 16 Mac 2021 dalam sebuah majlis yang dihadiri oleh H.E. Roland Galharague, Duta Perancis di Malaysia. Konvensyen tersebut seterusnya telah diratifikasi pada 16 Disember 2021. Malaysia adalah negara ke-4 yang telah menandatangani dan meratifikasi Konvensyen tersebut.



YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia semasa menandatangani Konvensyen *International Organization for Marine Aids to Navigation*


Penguatkuasaan Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2020, [Akta A1613]

Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan) 2020 [Akta A1613] telah diwartakan pada 4 Februari 2020 bagi meminda Akta Pengangkutan Barang Melalui Laut 1950 (Akta 527) dan memberi kuasa kepada Menteri meminda Jadual Pertama kepada Akta 527 tersebut melalui Perintah. Pindaan kepada Akta 527 ini secara amnya adalah untuk menambah baik undang-undang domestik dalam pemakaian kepada instrumen antarabangsa. Jadual Pertama kepada Akta 527 merupakan perundangan yang mengadaptasi instrumen antarabangsa iaitu Hague Rules.

Hague Rules merupakan undang-undang antarabangsa yang bertujuan untuk menyelaras hak dan tanggungjawab berhubung perdagangan laut (seaborne trade). Memandangkan Hague Rules telah terlalu lama, instrumen ini dilihat tidak lagi selaras dengan perkembangan perdagangan laut semasa dan dilihat agak lemah.

Bagi membaiki kelemahan tersebut, sektor maritim antarabangsa telah menerima pakai instrumen antarabangsa baharu iaitu Hague Visby-Rules dan Special Drawing Rights (SDR) Protocol. Secara asasnya Hague-Visby Rules dan SDR Protocol telah menambah baik prinsip dan piawaian berkaitan liabiliti, tanggungjawab dan pampasan yang ditetapkan di bawah Hague Rules tersebut. Perubahan ini dapat meningkatkan lagi struktur perundangan berkaitan liabiliti, pampasan dan dalam masa yang sama meningkatkan kepercayaan pemain industri dalam transaksi perdagangan laut. Perkembangan ini juga dapat memudahkan transaksi dan fasilitasi perdagangan (*trade facilitation*) melalui laut dari sudut perluasan jenis dokumentasi bagi mengikuti perkembangan amalan industri maritim antarabangsa semasa.

Bagi mempertingkatkan perundangan pengangkutan laut negara, Akta 527 serta Jadual Pertama kepada Akta 527 telah dipinda selaras dengan Hague Visby-Rules dan SDR Protocol melalui Akta A1613 serta Perintah Pengangkutan Barang Melalui Laut (Pindaan Jadual Pertama) 2021 [P.U.(A) 305/2021] yang telah disiarkan di dalam Warta Kerajaan Persekutuan. Pindaan Jadual Pertama ini juga berkuat kuasa serentak dengan Akta A1613 seperti siaran Warta Kerajaan Persekutuan P.U. (B) 363. Selaras dengan subseksyen 1(2), Akta A1613, telah ditetapkan bahawa tarikh kuat kuasa bagi Akta A1613 ialah pada 15 Julai 2021.



Pewartaan Had Pelabuhan Yan, Kedah


Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mewartakan Yan, Kedah sebagai salah sebuah Pelabuhan Persekutuan pada 10 Mei 2021. Perisytiharan pewartaan oleh YB Menteri Pengangkutan ini dibuat mengikut punca kuasa di bawah Seksyen 5, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 (MSO 1952). Suatu Had Pelabuhan juga telah diisyiharkan di dalam warta yang sama, yang melibatkan keluasan perairan 600km persegi dengan mengambil kira jarak sejauh lebih kurang 20 batu nautika dari pantai Yan di bawah Seksyen 6 Ordinan yang sama.

Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) selaku agensi yang bertanggungjawab ke atas pembangunan Wilayah Utara dengan merangka strategi pengembangan dan pembangunan sosio-ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) telah berhasrat untuk melakukan aktiviti perkapalan dan pembangunan di pesisiran Pulau Bunting yang terletak di Perairan Yan, Kedah.

Pembangunan di Yan sebagai sebuah pelabuhan dijangka akan meningkatkan aktiviti perkapalan di perairan tersebut dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan serta membangunkan kawasan sekitar daerah Yan, Kedah. Cadangan pembangunan ini turut dapat menyokong pembangunan industri perkapalan serta memajukan sektor pelancongan sekaligus berupaya menjana ekonomi negara amnya dan negeri Kedah khususnya.

Pelabuhan ini juga dikawal selia oleh Jabatan Laut Malaysia (JLM), selaku agensi utama di bawah MOT yang bertanggungjawab mengawal selia isu-isu berkaitan perkapalan dan keselamatan pelayaran termasuk pelabuhan. Antara tanggungjawab JLM adalah untuk memastikan keselamatan aktiviti dan trafik perkapalan di perairan tersebut yang dijangka akan meningkat termasuk menetapkan ruang laluan selamat, selesa dan bersesuaian di kawasan pelabuhan.

Pewartaan dan pembangunan aktiviti perkapalan ini juga adalah sejajar dengan Belanjawan 2021 seperti mana dibentangkan oleh YB Menteri Kewangan pada 6 November 2020 yang memperuntukkan sebanyak RM780 juta kepada lima (5) koridor wilayah pembangunan ekonomi bagi projek-projek pembangunan yang akan diteruskan pada tahun 2021.



Rajah 1: Had Pelabuhan Yan, Kedah



Rajah 1: Had Pelabuhan Yan, Kedah



P.U. (B) 259

ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

PERISYIHARAN DI BAWAH SEKSYEN 5 DAN 6
ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR 1952

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh sekyren 5 dan 6 Ordinan Perkapalan Saudagar 1952 [Ord. 70/1952], Menteri mengisyiharkan Yan dalam Negeri Kedah sebagai suatu pelabuhan mengikut pengertian Ordinan.

Pindaan Pemberitahuan Undang-Undang No. 73 tahun 1953

2. Bagi maksud menentukan had pelabuhan, Pemberitahuan Undang-Undang No. 73 tahun 1953 [L.N. 73/1953] dipinda dalam Jadual Pertama berkenaan dengan Negeri Kedah, dengan memasukkan selepas butiran 38 butiran yang berikut:

FIRST SCHEDULE

State of Kedah

- | First column | Second column |
|--------------|--|
| "38a. Yan | The areas enclosed by the following imaginary lines: |
| (A) | From a point on the coast at Latitude 05° 58.25' North, Longitude 100° 21.00' East, directly to |
| (B) | Latitude 05° 58.25' North, Longitude 100° 03.00' East, to |
| (C) | Latitude 05° 49.50' North, Longitude 100° 03.00' East, to |
| (D) | Latitude 05° 49.50' North, Longitude 100° 22.10' East thence along the coastline northwards returning to position (A), including all rivers and tributaries flowing into these waters navigable by sea going |

P.U. (B) 259

vessels and all piers, jetties, wharves, landing-places, quays, docks and other similar works, whether within or without the line of high-water mark, and any portion of the shore or bank within 45.72 metres of high-water mark, subject to any rights of private property therein.”.

Bertarikh 4 Mei 2021
[MOT.600-2/14/3] Jd. 5 (6); PN(PU2)199/XXX]

DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG
Menteri Pengangkutan

BAHAGIAN MARITIM

Pewartaan Tarif 3 Pelabuhan Utama Persekutuan (Pelabuhan Pulau Pinang, Pelabuhan Tanjung Pelepas dan Pelabuhan Pasir Gudang)

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) menerima permohonan bagi semakan kadar tarif tertentu untuk Pelabuhan Pasir Gudang, Johor; Pelabuhan Tanjung Pelepas, Johor; dan Pelabuhan Pulau Pinang daripada pihak Operator Pelabuhan dan juga Suruhanjaya / Lembaga Pelabuhan berkaitan.

Lanjutan daripada itu, kesemua permohonan tersebut telah melalui proses penelitian dan diperhalusi sebaik mungkin di samping keperluan bagi pematuhan prosedur dan tatacara tertentu sebelum kadar tarif yang diusulkan dapat dipertimbangkan dan dipersetujui oleh Kerajaan.

Dalam hal ini, pelabuhan memainkan peranan penting sebagai laluan perdagangan utama dan mengendalikan lebih kurang 95% perdagangan antarabangsa negara. Justeru itu, MOT berpandangan bahawa semakan dan penyelarasan semula kadar tarif tersebut perlu dilaksanakan selaras dengan komitmen pelaburan yang telah dipersetujui oleh operator pelabuhan masing-masing yang antara lain merangkumi aspek seperti penggunaan kelengkapan jentera pelabuhan yang terkini berteraskan teknologi moden dan digitalisasi dalam memastikan pelabuhan-pelabuhan negara kekal berdaya saing dengan pelabuhan-pelabuhan utama lain di dunia.

Sehubungan dengan itu, MOT telah bersetuju dengan cadangan pindaan kadar tarif-tarif tersebut yang diusulkan di pelabuhan-pelabuhan yang dinyatakan melalui pewartaan di bawah:

- i. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Pasir Gudang) (Skala Caj) (Pindaan) 2021;
- ii. Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Johor (Pelabuhan Tanjung Pelepas) (Skel Kadar, Dius Dan Caj) (Pindaan) 2021; dan
- iii. Undang-Undang Kecil Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (Pelabuhan Pulau Pinang) (Skala Kadar) 2021.

Kesemua Undang-Undang Kecil berkenaan telah diwartakan pada 8 September 2021 dan mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2021.

 WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE <small>8 September 2021 8 September 2021 P.U. (A) 357</small>	 WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE <small>8 September 2021 8 September 2021 P.U. (A) 355</small>	 WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE <small>8 September 2021 8 September 2021 P.U. (A) 356</small>
UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (PELABUHAN PASIR GUDANG) (SKALA CAJ) (PINDAAN) 2021 <i>JOHOR PORT AUTHORITY (PASIR GUDANG PORT) (SCALE OF CHARGES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2021</i>	UNDANG-UNDANG KECIL LEMBAGA PELABUHAN JOHOR (PELABUHAN TANJUNG PELEPAS) (SKEL KADAR, DIUS DAN CAJ) (PINDAAN) 2021 <i>JOHORE PORT AUTHORITY (TANJUNG PELEPAS PORT) (SCALE OF RATES, DUES AND CHARGES) (AMENDMENT) BY-LAWS 2021</i>	UNDANG-UNDANG KECIL SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG (PELABUHAN PULAU PINANG) (SKALA KADAR) 2021 <i>PENANG PORT COMMISSION (PENANG PORT) (SCALE OF RATES) BY-LAWS 2021</i>
<small>DISIARAKAN OLEH/ PUBLISHED BY JABATAN PEGUAM NEGARA/ ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS</small>	<small>DISIARAKAN OLEH/ PUBLISHED BY JABATAN PEGUAM NEGARA/ ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS</small>	<small>DISIARAKAN OLEH/ PUBLISHED BY JABATAN PEGUAM NEGARA/ ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS</small>

Rajah 1: Salinan Pewartaan 3 Undang-Undang Kecil Tarif Melibatkan 3 Pelabuhan Utama Persekutuan

Garis Panduan Permohonan Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) Berdasarkan Keperluan Yang Ditetapkan Oleh Malaysian Productivity Council (MPC)



Garis panduan permohonan Lesen Perkapalan Dalam Negeri (DSL) telah dimuat naik ke portal eDSL pada 16 Mac 2021. Garis panduan ini merupakan penyampaian maklumat secara komprehensif dan telus berhubung tatacara permohonan DSL seperti dokumen sokongan yang diperlukan serta terma dan syarat permohonan, garis panduan ini menjadi sumber rujukan utama bagi semua pihak berkepentingan, khususnya pemohon DSL yang terdiri daripada pemilik kapal tempatan dan pemain industri perkapalan.

Sebagai usaha berterusan ke arah peningkatan prestasi penyampaian perkhidmatan pelesenan DSL, piagam pelanggan turut dimuat naik ke portal eDSL pada Oktober 2021.

BAHAGIAN UDARA





BAHAGIAN UDARA



BAHAGIAN UDARA



LATAR BELAKANG

Industri penerbangan merupakan salah satu sektor strategik negara yang menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dengan menghubungkan negara ke pasaran global. Di samping memudahkan urusan perdagangan, ia juga merancakkan industri pelancongan serta meluaskan pasaran eksport negara.

Bagi menjadikan Malaysia sebagai peneraju sektor penerbangan, Kementerian Pengangkutan (MOT) telah melaksanakan pelbagai usaha seperti meluaskan rantaian kesalinghubungan (connectivity) menerusi perjanjian dua hala dan pelbagai hala. Selain itu, MOT juga aktif melibatkan diri dalam rundingan udara dengan negara-negara luar bagi memperkuatkannya indeks kesalinghubungan negara.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Pengoperasian Lapangan Terbang Baharu Mukah

Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak telah siap sepenuhnya untuk beroperasi mulai 17 Jun 2021 dengan pendaratan pertama pesawat MASwings, DHC6 Vikings dari Miri.

Projek Pembinaan Lapangan Terbang Baharu Mukah di lokasi baharu iaitu 7 kilometer dari pusat bandar Mukah, dimulakan sejak 11 Ogos 2017 menggantikan STOLport Mukah dengan kapasiti baharu iaitu 265 ribu penumpang setahun. Lapangan Terbang Baharu Mukah direka bentuk untuk memberikan keselesaan dan menepati kehendak rakyat Mukah yang menggunakan perkhidmatan udara luar bandar yang menjadi nadi kepada pergerakan penumpang dan barang di kawasan terbabit.

Reka bentuk Lapangan Terbang Baharu Mukah dilengkapi dengan bangunan terminal baharu seluas 3,125 meter persegi, landasan sepanjang 1,500 meter dan lebar 30 meter, apron, taxiway selebar 15 meter dan tempat letak kenderaan awam dengan kapasiti 100 buah kereta dan 20 buah motosikal termasuk 20 teksi dan 2 bas.

Jika dahulu, hanya pesawat jenis Twin Otter (DHC-6) yang berkapasiti kecil sahaja yang boleh mendarat, namun dengan terbinanya lapangan terbang baharu ini, ia boleh menampung pesawat yang lebih besar seperti pesawat jenis ATR yang boleh membawa penumpang yang lebih ramai (70 orang) pada satu-satu masa.

Lapangan Terbang Baharu Mukah juga menempatkan Menara Kawalan Trafik Udara, Pejabat Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET) dan bangunan Jabatan BOMBA. Selain itu, Lapangan Terbang Baharu Mukah juga dilengkapi dengan sistem Wind & Runway Visual Range (WRVR) dan sistem navigasi radio Doppler VHF Omnidirectional Range (DVOR) serta sistem pencahayaan pendekatan sederhana.

Dengan beroperasinya Lapangan Terbang Baharu Mukah ini, ia akan menyokong pembangunan Sarawak Government's Economic Plan for SCORE (Sarawak Corridor of Renewable Energy) di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi daerah Mukah dengan memudahkan pergerakan sektor perdagangan dan eksport pertanian, perikanan, makanan dan produk tempatan iaitu sago, nanas tempatan (sawit) dan umai (makanan istimewa Melanau).



BAHAGIAN UDARA

Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services – RAS)

Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services – RAS) merupakan perkhidmatan udara yang tidak ekonomik yang dijalankan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak di mana pengangkutan udara merupakan mod pengangkutan utama yang menghubungkan penduduk di kawasan luar bandar dengan dunia luar.

Kerajaan Malaysia telah menandatangani satu perjanjian baharu dengan syarikat penerbangan MASwings bagi meneruskan penyediaan operasi Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services – RAS) di Sabah dan Sarawak untuk tempoh 6 tahun iaitu bermula pada tahun 2019 hingga 2024 yang merangkumi hasil rasionalisasi perkhidmatan ini selaras dengan kajian semula oleh Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (Malaysian Aviation Commission – MAVCOM).

Berdasarkan perjanjian baharu tersebut, MASwings perlu menyediakan perkhidmatan bagi 39 laluan mulai 1 Januari 2019 berbanding 49 laluan sebelum ini di Sabah dan Sarawak dengan menggunakan pesawat ATR72 dan Twin Otter Viking. Pada 1 Mei 2019, 1 lagi laluan baharu diperkenalkan yang telah menjadikan keseluruhan laluan RAS adalah sebanyak 40 laluan.

Di bawah Perjanjian baru, mekanisme pemberian subsidi diubah daripada mekanisme yang berdasarkan kerugian operasi RAS dan insentif kewangan kepada mekanisme yang terikat dengan prestasi operasi dan kewangan. Insentif diberikan dalam bentuk pembayaran yuran pengurusan (*management fee*) tertakluk kepada prestasi operasi dan kewangan.

Penetapan destinasi dan laluan RAS tersebut adalah berdasarkan kriteria Obligasi Perkhidmatan Awam (Public Service Obligations – PSO) di bawah Seksyen 2, Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 [Akta 771] yang mentakrifkan PSO sebagai pengadaan suatu perkhidmatan melalui udara atau penggunaan mana-mana pesawat udara untuk membawa penumpang, mel atau kargo untuk sewa atau upah bagi suatu perjalanan berjadual di antara aerodrom yang tidak akan dibuat oleh syarikat penerbangan jika syarikat penerbangan itu hanya menimbangkan kepentingan komersialnya semata-mata.

Bagi tahun 2020, Malaysia telah mula melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bermula 18 Mac 2020 yang menyebabkan banyak penerbangan terpaksa dikurangkan kekerapannya dan digantung sementara. Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa memastikan kesinambungan perkhidmatan udara luar bandar di Sabah dan Sarawak tidak terhenti dan memberikan kesukaran kepada penduduk tempatan yang bergantung kepada perkhidmatan tersebut untuk bergerak.

MASwings telah beberapa kali meminda kekerapan perkhidmatan penerbangannya sejak Perintah Kawalan Pergerakan dimulakan pada 18 Mac 2020. MASwings secara teliti telah membuat pengurangan serta penambahan kekerapan penerbangan berdasarkan perkembangan semasa penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Peratus kekerapan penerbangan MASwings pada 31 Disember 2021 adalah sebanyak 28 peratus (28%) bagi pesawat ATR72 dan 80 peratus (80%) bagi pesawat twin otter.

Jumlah peruntukan subsidi dan bayaran sewaan pesawat yang telah disalurkan bagi tujuan melaksanakan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (Rural Air Services – RAS) pada tahun 2021 adalah sebanyak RM190,854,432.10.



Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur Baharu Yang Disempurnakan Oleh YAB Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob, Perdana Menteri

Pada 1 Disember 2021, industri penerbangan negara telah memahat satu peristiwa bersejarah apabila YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah merasmikan Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) baharu di Sepang, Selangor. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan.

Pembinaan KLATCC baharu ini merupakan sebahagian daripada usaha berterusan CAAM untuk menyeragam dan memenuhi standard yang ditetapkan oleh International Civil Aviation Organization (ICAO) dalam rekabentuk ruang udara Semenanjung Malaysia atau termanya, Kuala Lumpur Flight Information Region (KL FIR). Dengan pelaksanaan struktur baharu KL FIR ini, ia membolehkan lebih banyak pesawat mendarat pada waktu puncak atau slot premium dan meningkatkan jumlah pendaratan di Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dari 78 pesawat kepada 108 pesawat sejam. Jumlah ini merupakan antara yang tertinggi di dunia.

Selain itu, perubahan rekabentuk ruang udara dari enam sektor kepada 14 sektor telah membolehkan lebih banyak pergerakan pesawat dalam masa sejam dengan memanfaatkan sepenuhnya ketiga-tiga landasan yang terdapat di KLIA secara serentak.

Direka dengan inspirasi layang-layang tradisional atau wau dan diselitkan dengan sentuhan moden, KLATCC baharu ini merupakan penanda aras penting bagi industri penerbangan awam negara. Pembangunan mercu tanda sektor penerbangan ini melibatkan pembinaan kompleks tiga tingkat dilengkapi sistem komunikasi, navigasi, pengawasan dan pengurusan trafik udara (CNS/ATM).

Kemudahan serba moden ini turut menempatkan pusat operasi trafik udara KL FIR, yang merupakan tulang belakang kepada fungsi kawalan trafik udara negara dan Pusat Koordinasi Mencari dan Menyelamat (SAR) Aeronautik. Petaulahan COSPAS-SARSAT turut membantu meningkatkan keupayaan SAR CAAM dalam lingkungan KL FIR dan Kota Kinabalu FIR (KK FIR).



BAHAGIAN UDARA

Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (Vaccinated Travel Lane – VTL) Melalui Pengangkutan Udara

LALUAN PERJALANAN VAKSINASI (UDARA)

Garis Panduan Langkah demi Langkah untuk Pengembara dari Singapura ke Malaysia

PRA-PELEPASAN

- Kekal di Singapura dan/atau Malaysia dalam 14 hari terakhir berturut-turut sebelum berlepas ke Malaysia
- Divaksin sepenuhnya dengan vaksin COVID-19 yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan Malaysia
- Tempah penerbangan VTL yang ditetapkan ke Malaysia (semak laman web syarikat penerbangan)
- Daftar dan buat pembayaran untuk ujian RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan ([airport.doctor2u.my](#))
- Menjalani ujian RT-PCR COVID-19 dalam masa 2 hari sebelum hari berlepas
- Muat turun dan daftar aplikasi MySejahtera ([mysejahtera.malaysia.gov.my](#))
- MyTravelPass tidak diperlukan

Untuk pelawat jangka pendek, termasuk pengembara perniagaan dan rasmi, hanya:

- Mohon visa, jika diperlukan
- Tiket pergi balik
- Bukti pembelian insurans perjalanan COVID-19 (fizikal atau elektronik)

DAFTAR MASUK

- Kemukakan perkara berikut semasa daftar masuk:
 - Dokumen perjalanan (*Pasport / Pas Lawatan Elektronik*)
 - Sijil vaksinasi yang sah (fizikal atau elektronik)
 - Sijil ujian RT-PCR COVID-19 yang negatif
 - Aplikasi MySejahtera dengan profil berdaftar

Untuk pelawat jangka pendek, termasuk pengembara perniagaan dan rasmi, hanya:

- Visa, jika diperlukan
- Tiket pergi balik
- Bukti pembelian insurans perjalanan COVID-19 (fizikal atau elektronik)

KETIBAAN

- Ambil ujian RT-PCR COVID-19 semasa ketibaan
- Tunggu di kawasan yang ditetapkan dalam lapangan terbang untuk keputusan ujian; keputusan akan keluar dalam masa 1 hingga 3 jam
- Teruskan ke imigresen dan tunjukkan perkara berikut:
 - Dokumen perjalanan (*Pasport / Pas Lawatan Elektronik*)
 - Tiket penerbangan
 - Visa, jika diperlukan
 - Tiket pergi balik (terpakai kepada semua kecuali Penduduk Tetap Malaysia dan pemegang Pas Jangka Panjang)

TINGGAL DI MALAYSIA

- Mematuhi langkah-langkah kesihatan awam yang lazim
- Aktifkan aplikasi MySejahtera pada setiap masa

SINGAPURA **MALAYSIA**

Penerbangan yang Ditetapkan

Untuk maklumat lanjut, layari www.imi.gov.my

Pandemik COVID-19 telah mewujudkan halangan yang luar biasa dan mempunyai kesan jangka panjang terhadap perjalanan udara yang mengakibatkan penurunan dalam permintaan. Sebagai usaha pembukaan sempadan negara secara berperingkat, inisiatif Laluan Perjalanan Lengkap Vaksin (Vaccinated Travel Lane – VTL) melalui pengangkutan udara telah dilaksanakan antara Malaysia dengan Singapura bermula 29 November 2021.

VTL adalah pencapaian penting untuk memulakan semula pemuliharan penerbangan awam, yang pada masa sama turut mengambil kira isu kesihatan awam bagi memastikan daya tahannya di masa hadapan. Inisiatif VTL ini telah berjaya meningkatkan jumlah pengendalian penumpang antarabangsa dan seterusnya membantu meningkatkan sektor pelancongan dan ekonomi negara.



Pelancaran Garis Panduan (CAD) Dron (UAS) Untuk Operasi Latihan, Pertanian dan Projek Khas

MOT melalui agensi pengawalseliaan penerbangan, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) mengumumkan pelancaran tiga garis panduan (CAD) baharu pesawat tanpa pemandu atau lebih dikenali sebagai dron (UAS) di Malaysia yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2021 seperti berikut:

- 1) CAD 6011 Bahagian (I) - Organisasi Latihan Juruterbang Kawalan Jauh (RPTO);
- 2) CAD 6011 Bahagian (II) - Operasi Pertanian UAS (AGR); dan
- 3) CAD 6011 Bahagian (V) - Projek UAS Khas (SUP)

CAD ini dikeluarkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif CAAM dalam menjalankan kuasa yang diberikan menurut Seksyen 240 Akta Penerbangan Awam 1969 [Akta 3]. Penerbitan CAD baru ini adalah untuk menampung peningkatan operasi UAS yang melibatkan pelbagai bidang. Dalam usaha ini, CAAM telah menetapkan standard, keperluan dan prosedur kepada individu dan pengendali di Malaysia untuk bidang pertanian, organisasi latihan, penyelidikan dan Pembangunan, operasi secara Beyond Visual Line of Sight (BVLOS) dan operasi-operasi lain yang berkaitan.



BAHAGIAN UDARA

High-Level Conference On COVID-19 (12 – 22 Oktober 2021)

High-Level Conference On COVID-19 telah diadakan secara Video Conference pada 19 hingga 22 Oktober 2021 dengan tema “One Vision for Aviation Recovery, Resilience and Sustainability beyond the Global Pandemic”. Objektif utama persidangan tersebut adalah untuk mendapatkan persefakatan global melalui pendekatan pelbagai hala serta disokong oleh kehendak politik dan komitmen negara bagi memulihkan industri penerbangan daripada krisis COVID-19 di samping menyediakan asas untuk memperkuatkan daya tahan industri tersebut supaya lebih lestari di masa hadapan.

Timbalan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Dato Henry Sum Agong telah berpeluang menghadiri persidangan ini secara maya anjuran International Civil Aviation Organisation (ICAO). Sesi ini turut dihadiri oleh Kapten Chester Voo Chee Soon, Ketua Pegawai Eksekutif Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) dan wakil Bahagian Udara, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). YB Timbalan Menteri juga telah menyampaikan *intervention* semasa sesi Ministerial Plenary – Round Table II pada 13 Oktober 2021.

Persidangan ini menjadi satu platform mempertimbangkan pelbagai isu dengan tumpuan khusus pada isu keselamatan dan pemulihran industri penerbangan dengan mengambil kira kesan ekonomi COVID-19 ke atas sektor tersebut. Persidangan ini juga menjadi peluang untuk mempromosi dan mengukuhkan usaha kolektif untuk menyelaras langkah-langkah dan strategi pengurusan risiko melalui pelaksanaan cadangan oleh ICAO Civil Aviation Recovery Task Force (CART).



Program Vaksinasi Sektor Pengangkutan udara

Pada 24 Jun 2021, Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dan Menteri Penyelaras Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, YB Khairy Jamaluddin telah melancarkan Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan meliputi ketiga-tiga sektor perkhidmatan iaitu maritim, udara dan darat.

MOT telah mendapat kelulusan Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF) pada 21 Jun 2021 bagi melaksanakan program pemberian vaksin kepada barisan hadapan sektor pengangkutan iaitu pelaut, petugas pelabuhan, lapangan terbang, pengangkutan darat serta rel yang melibatkan lebih dari 51,500 orang. Syarikat-syarikat pengangkutan yang terlibat dengan program ini akan menanggung secara bersama kos penyediaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV). Manakala bekalan vaksin diberikan secara percuma oleh Kerajaan.

Kementerian Pengangkutan (MOT), dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kementerian Kesihatan (KKM), telah melancarkan Program Vaksinasi Sektor Pengangkutan yang meliputi perkhidmatan maritim, penerbangan dan pengangkutan darat pada 24 Jun 2021. Kira-kira 22,243 pekerja lapangan terbang, kakitangan syarikat penerbangan dan pekerja kargo terlibat telah menerima vaksin melalui program ini. Ini selari dengan inisiatif Malaysia ke arah pemulihan sektor penerbangan dengan mengambil berat akan keselamatan kakitangan dan penumpang.

Pada 6 Julai 2021, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), YB Tuan Khairy Jamaluddin telah hadir ke Program Pemberian Vaksin bagi Sektor Pengangkutan dan Pelancaran Pembukaan Pusat Pemberian Vaksinasi Industri (PPVIN), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) khas untuk Sektor Pengangkutan Udara bertempat di Terminal 1, KLIA Sepang, Selangor dengan diiringi oleh Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia, Datuk Isham Ishak.

Melalui program ini, pihak Malaysia Airports Holdings Berhad (MAHB) telah bekerjasama dengan beberapa syarikat industri penerbangan seperti Malaysia Airlines Berhad, Malindo, syarikat pengendalian darat AeroDarat, syarikat-syarikat penerbangan asing yang diwakili oleh Airline Operators Committee (AOC) dan pekerja kargo yang diselaraskan oleh Airfreight Forwarders Association of Malaysia (AFAM).

Dengan pelaksanaan Program Pemberian Vaksin bagi sektor pengangkutan khasnya untuk sektor pengangkutan udara, para petugas barisan hadapan sektor udara dapat membina benteng bagi berdepan dengan virus COVID-19, yang mana telah meragut lebih daripada 5,000 nyawa termasuk petugas barisan hadapan pengangkutan. Selain itu, pemberian vaksin ini juga akan memberi keyakinan kepada petugas barisan hadapan pengangkutan dalam menjalankan tugas mereka dan sekaligus meningkatkan produktiviti negara.



**BAHAGIAN
PERANCANGAN
STRATEGIK DAN
ANTARABANGSA**





BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

LATAR BELAKANG



Bahagian Perancangan Strategik dan Antarabangsa (BPSA) merupakan salah satu bahagian utama dalam struktur organisasi Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). BPSA bertanggungjawab dalam menerajui usaha merangka dan menggubal Dasar Pengangkutan Negara (2019-2030) serta hala tuju MOT selaras dengan hasrat Kerajaan untuk memperkasakan sektor pengangkutan negara. Tugas ini meliputi urusan perancangan dasar domestik dan antarabangsa dalam sektor pengangkutan, pembangunan industri pengangkutan dan juga hal-hal yang berkaitan dengan fasilitasi dan regulatori sektor pengangkutan negara. Bahagian ini juga bertanggungjawab untuk menerajui inisiatif dan program Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera (PEB) dalam sektor pengangkutan.

Di samping itu, BPSA juga turut menjadi focal point kepada semua inisiatif hubungan kerjasama antarabangsa sektor pengangkutan sama ada di peringkat wilayah dan pelbagai hala. Malahan BPSA juga bertanggungjawab sebagai penyelaras utama urusan berkaitan Parlimen dan Jemaah Menteri di peringkat kementerian.

Sektor pengangkutan merupakan pemacu kepada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negara di mana penyediaan sistem pengangkutan yang berkualiti, selamat, boleh dipercayai, mampu guna dan mampu merupakan antara elemen penting untuk mencapai aspirasi negara maju. Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030 turut digubal untuk menyediakan teras-teras dasar dan strategi untuk mempertingkatkan daya saing ekonomi, memastikan keterangkuman dan kebolehcapaian, serta pada masa yang sama mengurangkan impak negatif sistem pengangkutan kepada alam sekitar. Selain itu, turut menjadi hasrat Kerajaan agar ekosistem pengangkutan negara berada

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

pada tahap terbaik bagi memanfaatkan perkembangan pesat teknologi dalam Revolusi Perindustrian Keempat (IR 4.0) untuk menggalakkan peralihan modal kepada pengangkutan awam selain berdaya tahan dalam menghadapi cabaran domestik, serantau dan global.

Bagi tahun 2021, sektor pengangkutan merupakan antara sektor yang paling terjejas akibat daripada penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia yang telah menjaskan sektor pengangkutan udara, darat, maritim dan logistik akibat kawalan pergerakan. Bertitik tolak daripada cabaran pandemik COVID-19, beberapa pendekatan telah diambil oleh Kerajaan melalui Kementerian Pengangkutan antaranya dalam memacu semula ekonomi dalam sektor pengangkutan, meningkatkan daya saing negara melalui infrastruktur strategik pengangkutan dan peningkatan kecekapan perkhidmatan pengangkutan.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) Jemaah Menteri

YAB Perdana Menteri semasa ucapan Pembentukan Kabinet pada 27 Ogos 2021 telah meminta setiap Kementerian untuk membuat perancangan jangka pendek dan jangka panjang serta perlu mencapai sasaran yang ditetapkan. Susulan itu, kesemua YB Menteri diminta untuk menetapkan dan membuktikan pencapaian Key Performance Indicator (KPI) masing-masing dalam tempoh 100 hari pentadbiran. KPI yang ditetapkan ini telah dijenamakan sebagai Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM) yang mengangkat nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran bagi mendepani cabaran semasa khususnya ketika tempoh pandemik COVID-19.

Enam Teras Utama 100 Hari Jemaah Menteri yang diberikan fokus adalah seperti berikut:

- i. Menstruktur semula ekonomi;
- ii. Menjamin keselamatan dan ketenteraman negara;
- iii. Meningkatkan kesejahteraan sosial;
- iv. Mempertingkat infrastruktur menyeluruh;
- v. Memperkuuh penyatuan dalam acuan Keluarga Malaysia; dan
- vi. Memperkasa penyampaian perkhidmatan.

Kementerian Pengangkutan Malaysia telah mengenal pasti dan memberikan keutamaan kepada 3 Aspirasi di bawah 100 Hari Aspirasi Keluarga Malaysia bagi tahun 2021 seperti dalam jadual di bawah.:

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN					
INDIKATOR SEKSYEN A : PERKHIDMATAN TERAS					
KEUTAMAAN	TERAS	STRATEGI	PROGRAM/INISIATIF	SASARAN sehingga Nov 2021	PENCAPAIAN sehingga Nov 2021
ASPIRASI NO 1	TERAS 1: MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI NEGARA	Meningkatkan GDP/pendapatan negara melalui sektor pengangkutan	Menjana pendapatan negara melalui sektor perkhidmatan pengangkutan darat dengan peningkatan kecekapan perkhidmatan dan penyelesaian backlog kutipan hasil	RM3.53 billion	RM3.54 billion (100.00%)
ASPIRASI NO 2	TERAS 1: MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI NEGARA	Meningkatkan GDP/pendapatan negara melalui sektor pengangkutan laut	Memastikan prestasi pengendalian kontena di pelabuhan utama negara pada tahap optimum	Pelabuhan Kelang = 12 juta TEUs Pelabuhan Tanjung Pelepas = 9 juta TEUs	Pelabuhan Kelang = 12.69 juta TEUs (100%) Pelabuhan Tanjung Pelepas = 10.26 juta TEUs (100%)
ASPIRASI NO 3	TERAS 4: MEMPERTINGKAT INFRASTRUKTUR MENYELURUH	Memperkuuh rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam	Pemindahan Operasi KLATCC (Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre) dari Subang ke Sepang untuk pengoperasian sepenuhnya	100% KLATCC beroperasi sepenuhnya di Sepang	100% KLATCC beroperasi sepenuhnya di Sepang

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

- Menjana pendapatan negara melalui sektor perkhidmatan pengangkutan darat dengan peningkatan kecekapan perkhidmatan dan penyelesaian backlog kutipan hasil.

KEUTAMAAN	TERAS	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	SASARAN sehingga Nov 2021	PENCAPAIAN sehingga Nov 2021
ASPIRASI NO 1	TERAS 1: MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI NEGARA	Meningkatkan GDP/ pendapatan negara melalui sektor pengangkutan	Menjana pendapatan negara melalui sektor perkhidmatan pengangkutan darat dengan peningkatan kecekapan perkhidmatan dan penyelesaian backlog kutipan hasil	RM3.53 billion	RM3.54 billion (100.00%)

NARATIF PENCAPAIAN:

1.1 Usaha dan komitmen

Ketika tempoh pandemik COVID-19 atas dasar keprihatinan Kerajaan terhadap rakyat, MOT telah memutuskan pemberian moratorium pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM) (Pelanjutan sehingga 31 Disember 2021). Pemilik kenderaan tidak akan dikenakan tindakan penguatkuasaan dan pematuhan oleh JPJ dan PDRM sehingga 31 Disember 2021. 80% kutipan hasil JPJ adalah melalui LKM dan LMM.

- Pengoperasian semua kaunter JPJ di seluruh negara dan juga kaunter rakan strategik JPJ (Puspakom) dengan kapasiti 100% secara walk-in mulai 6 September 2021. Peringatan mesra dan publisiti kepada rakyat sedang dipergiatkan agar menyelesaikan urusan transaksi pembaharuan LMM/LKM lebih awal.
- Meningkatkan kecekapan dan penawaran kepelbagaiannya perkhidmatan JPJ bagi penyelesaian backlog (melalui transaksi online, kaunter bergerak, pandu lalu dan rakan strategik JPJ).
- Unjurian hasil RM3.53 billion (sehingga 30 Nov 21) berjaya dicapai melalui pelbagai usaha/program bagi memudahkan urusan rakyat mendapatkan perkhidmatan yang ditawarkan. Sehingga Disember 2021, unjurian hasil yang dicatatkan adalah sejumlah RM4.00 billion.

1.2 Bentuk program & inisiatif

- JPJ telah melaksanakan inisiatif dalam meningkatkan kecekapan perkhidmatan. Ini termasuklah program outreach kaunter bergerak JPJ menggunakan mobile unit bagi membolehkan rakyat mendapatkan perkhidmatan JPJ dengan lebih mudah.
- Selain itu, perkhidmatan JPJ juga menawarkan perkhidmatan melalui transaksi *online*, pandu lalu dan rakan strategik JPJ. Penawaran perkhidmatan ini perlu bagi mengurangkan kesesakan di kaunter JPJ dan mengurangkan masa menunggu rakyat selain mengurangkan risiko berkaitan jangkitan COVID-19.
- Langkah-langkah susulan yang turut diambil oleh JPJ seperti berikut:
 - i. Melanjutkan tempoh bekerja berkuatkuasa pada 15 November 2021.
 - kaunter dibuka pada waktu rehat.
 - melanjutkan waktu bekerja dari 4 petang sehingga 5 petang;
 - ii. menggunakan sepenuhnya *mobile unit* terutama di lokasi-lokasi yang ditetapkan.
 - iii. bermula pada 1 Disember 2021, pejabat-pejabat Negeri, UTC dan cawangan akan bekerja pada hujung minggu.
 - iv. Pejabat-pejabat rakan strategik seperti PUSPAKOM dan Pos Malaysia juga akan turut bekerja pada hujung minggu dan cadangan tersebut disambut baik oleh mereka.
 - v. Memberi jaminan pembekalan dan pengedaran stok Lesen Memandu Malaysia (LMM) dan Lesen Kenderaan Motor (LKM) mencukupi.
- Langkah-langkah yang diambil ini berpaki kepada keprihatinan Kerajaan bagi memudahkan urusan rakyat mendapatkan perkhidmatan Kerajaan ketika tempoh pandemik.

1.3 Success story

- Kerajaan telah melanjutkan tempoh moratorium bagi pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan juga Lesen Memandu Malaysia (LMM) sehingga 31 Disember 2021. Namun begitu, Kerajaan melalui Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ) sentiasa berusaha untuk meningkatkan tahap dah kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan.



BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

- Secara lazimnya, purata transaksi harian bagi pembaharuan LKM di seluruh negara adalah sebanyak 47,934. Namun begitu, sejak September hingga 15 November 2021, jumlah keseluruhan transaksi pembaharuan LKM yang telah dilaksanakan adalah sebanyak 4,921,100 transaksi, iaitu dengan purata harian sebanyak 96,492. Ini dengan jelas menunjukkan usaha dan komitmen Kerajaan, melalui JPJ, bagi memenuhi keperluan rakyat di samping mengurangkan backlog. Kerjasama yang telah diberikan oleh rakan-rakan strategik seperti Pos Malaysia Berhad, MyEG dan juga Puspakom juga turut menyumbang kepada pencapaian ini.
- Institut Latihan Pemanduan (ILP) Kenderaan Motor tidak dapat beroperasi di sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah menyebabkan backlog sebanyak 462,125 calon, dari pelbagai peringkat proses pembelajaran dan pengujian untuk mendapatkan lesen memandu. Bagi mengatasi perkara ini, JPJ telah merangka satu pelan tindakan khas. Melalui pelaksanaan pelan ini, pada masa kini sebanyak 85% peratus daripada jumlah tersebut telah berjaya melengkapkan proses mendapatkan lesen memandu.

1.4 Manfaat pencapaian sasaran kepada rakyat dan negara.

- Inisiatif pelanjutan tempoh pengoperasian pejabat-pejabat JPJ di seluruh negara, adalah diyakini dapat meningkatkan aksesibiliti orang awam kepada perkhidmatan-perkhidmatan JPJ, di samping membolehkan orang awam merancang masa mereka untuk menyelesaikan urusan-urusan utama seperti pembaharuan LKM dan LMM.
- Kecekapan perkhidmatan yang seterusnya menyumbang kepada pencapaian kutipan hasil ini akan memberi manfaat dan dipulangkan kembali kepada rakyat melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif atau bantuan Kerajaan. Ini seterusnya dapat mengurangkan beban rakyat yang terjejas ketika tempoh pandemik dan merangsang semula kegiatan ekonomi rakyat.
- Pembukaan semula operasi IM juga membantu 9,000 tenaga pengajar dan operator IM/SM yang amat terkesan ketika tempoh pandemik COVID-19.

2. Memastikan prestasi pengendalian kontena di pelabuhan utama negara pada tahap optimum

KEUTAMAAN	TERAS	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	SASARAN sehingga Nov 2021	PENCAPAIAN sehingga Nov 2021
ASPIRASI NO 2	TERAS 1: MENSTRUKTUR SEMULA EKONOMI NEGARA	Meningkatkan GDP/ pendapatan negara melalui sektor pengangkutan laut	Memastikan prestasi pengendalian kontena di pelabuhan utama negara pada tahap optimum	Pelabuhan Klang = 12 juta TEUs Pelabuhan Tanjung Pelepas = 9 juta TEUs	Pelabuhan Klang = 12.69 juta TEUs (100%) Pelabuhan Tanjung Pelepas = 10.26 juta TEUs (100%)

NARATIF PENCAPAIAN:


- Pada 12 September 2021, YB Menteri Pengangkutan umumkan aktiviti penerimaan dan pemunggahan kargo (import/eksport) dibenarkan beroperasi 24 jam (7 hari seminggu).

2.2 Bentuk program & inisiatif

- Melaksanakan langkah/inisiatif di pelabuhan dalam menghadapi situasi pandemik COVID-19 dengan mengambil langkah seperti berikut:
 - memastikan pergerakan barang keperluan rakyat tidak terbantut;
 - mengurangkan kesesakan (aktiviti penerimaan dan pemunggahan kargo); dan
 - memastikan mutu perkhidmatan serta operasi di pelabuhan kekal berdaya saing.
- Memastikan isu keselamatan pelayaran kapal di kawasan pelabuhan negara ditangani dengan baik (cth: kedalaman pelabuhan Malaysia menepati kehendak pengguna / pelanggan antarabangsa);
- Perancangan rapi dan susunan yang berkesan dalam meningkatkan prestasi pengendalian kontena melalui kapal yang singgah di pelabuhan.

2.3 Success story

- Laporan Bloomberg (RBC Capital Markets) – Pelabuhan Klang tersenarai dalam kalangan 22 pelabuhan terkemuka dunia dengan berjaya mengendalikan purata 131 kapal seminggu dengan hanya mengambil masa 1.7 hari (*turn around time*) bagi setiap kapal.



- Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) menjadi pelabuhan pertama di rantau Asia Tenggara untuk menerima kehadiran salah satu daripada kapal kontena terbesar dunia, Ever Ace milik Evergreen Marine Corporation. Ever Ace dengan panjang hampir 400 meter dan lebar 61.5 meter mampu belayar pada kelajuan sehingga 22.6 knot itu memiliki kapasiti 23,992 unit bersamaan 20 kaki (TEU). Kehadiran Ever Ace di pelabuhan mencerminkan keyakinan pengendali kapal terhadap kemampuan dan komitmen PTP dalam memenuhi keperluan pelanggan.

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

- Pelabuhan Klang telah berjaya mencatatkan rekod pengendalian kontena tertinggi iaitu 13.64 juta TEUs bagi tahun 2021 mengatasi rekod sebelum ini 13.58 juta TEUs yang dicatatkan pada 2019.
- Pelabuhan Tanjung Pelepas mencatatkan jumlah 11.2 juta TEUs bagi tahun 2021 iaitu peningkatan sebanyak 14% berbanding jumlah 9.8 juta TEUs pada tahun 2020 di sebalik cabaran pandemik COVID-19.

2.4 Manfaat pencapaian sasaran kepada rakyat dan negara.

- Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Tanjung Pelepas berjaya mengekalkan kedudukan Top 20 pelabuhan kontena dunia bagi tahun 2021 berdasarkan kepada prestasi pengendalian kontena (TEUs).
- Sasaran TEUs telah memberi impak kepada ekonomi negara dan perkembangan sektor logistik serta menjadi pemangkin dalam pemulihan sektor ekonomi negara selain menyediakan peluang pekerjaan kepada rakyat.

3. Pemindahan Operasi KLATCC (Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre) dari Subang ke Sepang untuk pengoperasian sepenuhnya.

KEUTAMAAN	TERAS	STRATEGI	PROGRAM/ INISIATIF	SASARAN 2021	PENCAPAIAN 2021
ASPIRASI NO 3	TERAS 4: MEMPERTINGKAT INFRASTRUKTUR MENYELURUH	Memperkuuh rangkaian perkhidmatan pengangkutan awam	Pemindahan Operasi KLATCC (Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre) dari Subang ke Sepang untuk pengoperasian sepenuhnya	100% KLATCC beroperasi sepenuhnya di Sepang	100% KLATCC beroperasi sepenuhnya di Sepang

NARATIF PENCAPAIAN:

3.1 Usaha dan komitmen

- Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KLATCC) baharu dibina bagi menggantikan KLATCC Subang yang telah beroperasi selama 25 tahun. KLATCC merupakan sebuah pusat kawalan trafik udara negara yang berteknologi tinggi dan bertaraf dunia. MOT telah membelanjakan RM650.36 juta bagi menjayakan projek pembangunan tersebut yang bermula pada 2017. Pemindahan telah dilakukan pada 1 September 2021 (0200 AM).

3.2 Bentuk program & inisiatif

- Melaksanakan tindakan-tindakan lain yang boleh memacu perkembangan industri penerbangan negara antaranya:
- Memastikan semua tindakan pembetulan diambil terhadap kesemua 33 dapatan audit Federal Aviation Administration (FAA) 2019. Selepas audit FAA 2019, Malaysia telah diturunkan daripada Kategori 1 kepada kategori 2 sekaligus menjelaskan industri penerbangan negara.
- Memastikan keputusan *internal audit* mampu mensiasati CAAM untuk menghadapi sesi audit semula oleh FAA (jangkaan 6-10 Disember 2021)

- Tujuan *internal audit* memastikan tindakan pembetulan yang diambil mematuhi kehendak FAA.
- Keputusan *internal audit* akan memberi indikasi kesiapsiagaan CAAM. Sesi audit semula FAA amat penting bagi memastikan supaya rating Malaysia boleh dinaikkan semula ke Kategori 1.
- Usaha berterusan CAAM untuk menyeragam dan mematuhi piawaian Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dalam reka bentuk maklumat Penerbangan Ruang Udara Kuala Lumpur (KL FIR).

3.3 Success story

KLATCC baharu dilengkapi teknologi terkini sistem komunikasi, navigasi dan pengawasan (Communication, Navigation and Surveillance - CNS) serta sistem pengurusan kawalan trafik udara (Air Traffic Management - ATM) yang menjadikan laluan penerbangan lebih cekap, selamat dan menjimatkan masa. Teknologi yang diguna pakai merupakan antara yang termaju di dunia.



- KLATCC baharu berupaya menampung kapacity en-route sehingga 108 pergerakan pesawat sejam dengan peningkatan sektor ruang udara dari 7 sektor ke 14 sektor dengan pematuhan piawaian yang ditetapkan oleh International Civil Aviation Organization (ICAO). Ini secara tidak langsung telah meningkatkan daya saing Malaysia dalam industri penerbangan awam.
- KLATCC baharu merupakan pusat utama Mencari dan Menyelamat (Search and Rescue Centre – SARC) bagi kemalangan udara di Malaysia.
- Pengurusan lalu lintas di ruang udara lebih efisien dan lancar, tingkatkan kecekapan Sistem Pengawasan serta Sistem Komunikasi dan Navigasi KL FIR untuk membolehkan pelaksanaan Navigasi Berasaskan Prestasi (PBN). Reka bentuk ruang udara baharu - lebih banyak pergerakan pesawat setiap jam (memanfaatkan sepenuhnya 3 landasan serentak).

3.4 Manfaat pencapaian sasaran kepada rakyat dan negara.

- Penambahbaikan akan tingkatkan daya saing Malaysia dalam industri penerbangan, meningkatkan pendapatan negara melalui pengembangan industri penerbangan dan meningkatkan potensi kapasiti pengangkutan kargo udara.

Program Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2021

Sebagai Urus Setia Induk bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030, Kementerian Pengangkutan melalui Bahagian ini telah mengadakan beberapa sesi libat urus dengan pelbagai agensi pelaksana untuk merancang dan membincangkan pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Pelaksana DPN. Walaupun Roadshow DPN tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2021 atas sebab pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat pandemik COVID-19, Bahagian ini masih meneruskan komunikasi dengan agensi pelaksana DPN melalui platform atas talian dan emel dari semasa ke semasa. Di antara sesi libat urus yang telah dilaksanakan termasuklah taklimat kepada Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pahang, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi (MEDAC) dan lain-lain lagi. Sehingga akhir tahun 2021, Bahagian ini telah berjaya mengumpul dokumen piagam program yang memperincikan perancangan dan pelaksanaan setiap inisiatif sebanyak 99 daripada sejumlah 218 pelan pelaksanaan yang telah disediakan dan dipersetujui secara bersama dengan Agensi Pelaksana.

Pada tahun 2021, laman sesawang Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 (<http://dpn.mot.gov.my>) telah ditambahbaik dengan dwi-bahasa melalui penambahan versi Bahasa Inggeris yang sebelum ini hanya mempunyai versi Bahasa Melayu bagi memudahkan rujukan orang awam termasuk di peringkat antarabangsa. Penambahbaikan berterusan akan dilakukan pada tahun akan datang dengan menambah fungsi portal ini sebagai satu platform pemantauan dan pelaporan status pelaksanaan oleh agensi-agensi pelaksana secara atas talian.

Berikut adalah pencapaian utama DPN pada tahun 2021 mengikut lima (5) Teras masing-masingnya :


1. Teras 1: Memperkuuh tadbir urus ke arah persekitaran yang kondusif bagi sektor pengangkutan:
 - Penubuhkan pusat kecemerlangan dalam kajian pengangkutan dan pengurusan berdasarkan sektor seperti Rail CoE untuk menjadi pusat latihan dan penyelidikan untuk rel; Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) menjadi COE bagi pengangkutan darat dan Institut Maritim Malaysia (MIMA) menjadi CoE untuk maritim.
2. Teras 2: Mengoptimum, membina dan menyelenggara infrastruktur, perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan untuk memaksimumkan kecekapan:
 - Menguatkuaskan sepenuhnya peraturan Perintah Sekatan Berat (WRO) terhadap kenderaan komersial untuk melindungi infrastruktur jalan raya dalam mengurangkan kos penyelenggaraan dan meningkatkan keselamatan jalan raya; dan
 - Menjalankan kajian bagi mengenalpasti impak pembangunan serta memastikan perancangan penggunaan tanah disepadukan dengan kemudahan pengangkutan dan infrastruktur dalam pembangunan tempatan.
3. Teras 3: Meningkatkan aspek keselamatan, integrasi, ketersambungan dan kebolehcapaian bagi melancarkan perjalanan:
 - Pas My30 di sekitar Lembah Klang diperluaskan ke Kuantan dan Pulau Pinang yang dikenali sebagai Pas Lestari/My30 Kuantan dan Pas Mutiara/ My30 Penang;



- Pas My30 di sekitar Lembah Klang diperluaskan ke Kuantan dan Pulau Pinang yang dikenali sebagai Pas Lestari/My30 Kuantan dan Pas Mutiara/ My30 Penang;
- Meneruskan pemberian subsidi kepada tambang pengangkutan udara kawasan luar bandar di Sabah dan Sarawak (RAS) dengan menyediakan jaringan perhubungan udara bagi empat puluh (40) laluan RAS di Sabah dan Sarawak; dan
- Menyediakan ASEAN Land Transport Network - Peta Rangkaian Pengangkutan Darat ASEAN.

4. Teras 4: Melangkah maju ke arah ekosistem pengangkutan hijau:

- Pewartaan MS 2722: *Energy Efficient Vehicle - Requirements* yang telah diperluaskan skop spesifikasi kenderaan cekap tenaga (EEV) pada April 2021 dan Pewartaan MS2730: *Next Generation Vehicle* pada Julai 2021;
- Pelancaran *Low Carbon Mobility Blueprint* (LCMB) pada Oktober 2021 telah merangkumi strategi pelaksanaan bagi kenderaan elektrik; dan




- Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kawalan Kandungan Petrol Dan Diesel) (Pindaan) 2021 telah diwartakan.

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

5. Teras 5: Memperluas jejak global dan mempromosikan pengantarabangsaan perkhidmatan pengangkutan:
- Melaksanakan Cooperative Development of Operational Safety and Continuing Airworthiness Programme - South East Asia (COSCAP-SEA); dan
 - Meneruskan penyertaan Malaysia dalam Pengangkutan Fora di bawah kerjasama pelbagai hala seperti ASEAN, APEC, UNESCAP, D8, OIC dan ASEM.

Pelancaran Guidebook to Starting Warehousing Business in Malaysia



Guidebook to Starting Warehousing Business in Malaysia telah dilancarkan pada 27 Mei 2021. Buku panduan ini merupakan kerjasama strategik dengan Malaysia Productivity Corporation (MPC) di bawah Cluster Working Group (CWG) 1, iaitu salah satu kumpulan kerja dalam Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (National Logistics Task Force, NLTF). Ianya bertujuan mengumpulkan maklumat-maklumat asas berkenaan pihak-pihak yang terlibat dan prosedur sedia ada dalam sektor pergudangan dan perundangan sedia ada di Malaysia untuk panduan pihak-pihak yang berminat memulakan perniagaan dalam sektor pergudangan.

Buku panduan ini meliputi informasi seperti syarat-syarat am untuk bangunan yang akan menawarkan perkhidmatan logistik, jenis-jenis dan kategori gudang, prinsip-prinsip am bagi perancangan bangunan gudang dan garis panduan untuk membina gudang di kawasan atau zon perindustrian.

Buku panduan ini boleh dicapai di Laman Web Rasmi Kementerian Pengangkutan Malaysia di pautan berikut:

<https://www.mot.gov.my/en/Announcement/Guidebook%20to%20Starting%20Warehousing%20Business%20in%20Malaysia%20%20.pdf>

Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE)

Syarikat Pengangkutan/Logistik	Kenderaan Perdagangan	Perniagaan Lain
<ul style="list-style-type: none"> ✓ Freight Forwarder ✓ Ejen Kastam ✓ Ejen Perkapalan ✓ Perkhidmatan Tunda Kenderaan ✓ Kren ✓ Pergudangan ✓ Servis kepada bot dan pelabuhan ✓ Perkhidmatan Sewa Kenderaan 	<ul style="list-style-type: none"> ✓ Lori dan haulier ✓ Bas ✓ Teksi ✓ Courier 	<p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> ✓ Pembinaan ✓ Peniaga makanan ✓ Kedai runcit ✓ Perlادangan dan Komoditi ✓ Pertanian ✓ Kejuruteraan
YA	YA	YA

(Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE))

Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) diwujudkan pada Jun 2021 untuk melancarkan pergerakan kenderaan barang dan aktiviti sektor logistik agar dapat terus beroperasi dengan lancar dan selamat sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) / Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Walaupun industri logistik dapat bergerak tanpa sekatan sepanjang tempoh PKP/PPN, Surat Pengesahan Pengoperasian Perkhidmatan Perlu (*Essential Service*) sepanjang tempoh PKP/PPN yang dikeluarkan kepada pemain industri logistik melalui sistem ini telah membantu melicinkan operasi pemain industri logistik. Sistem ini turut memainkan peranan penting dalam mempermudahkan urusan perniagaan pemain industri logistik supaya terus berlangsung sepanjang tempoh PKP/PPN.

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

Fasa 1 – Perubahan Polisi Untuk Membenarkan Penggerak Utama (Prime Mover) Untuk Menarik Treler Dalam Kumpulan Syarikat Yang Sama



(Fasa 1 – Perubahan Polisi Untuk Membenarkan Penggerak Utama (Prime Mover) Untuk Menarik Treler Dalam Kumpulan Syarikat Yang Sama)

YB Menteri Pengangkutan telah mengumumkan pelaksanaan perubahan polisi bagi membenarkan penggerak utama (Prime Mover) untuk menarik treler dalam kumpulan syarikat yang sama berkuatkuasa pada 1 September 2021.

Sebelum polisi baharu ini dilaksanakan, syarikat-syarikat logistik hanya boleh menggunakan satu prime mover kepada maksimum 7 treler (di Semenanjung Malaysia) berdasarkan pendaftaran dengan Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD).

Setelah kajian semula dilaksanakan ke atas polisi tersebut, didapati dengan perlaksanaan polisi baharu ini iaanya dapat membantu syarikat logistik mengoptimumkan sumber, mengurangkan masa *turnaround* dan mengurangkan kos operasi. Perlaksanaannya tertakluk kepada:

- Pelaksanaan perubahan polisi ini hanya melibatkan kumpulan syarikat di mana pegangan syarikat induk adalah 51 peratus (%);
- Terhad kepada anak-anak syarikat di *first tier* sahaja;
- Polisi untuk pendaftaran satu prime mover kepada 7 treler (1:7) yang dilaksanakan sebelum ini masih dikekalkan. Permit baru ini hanyalah bagi tujuan membenarkan prime mover menarik treler dalam kumpulan syarikat.
- Berat dengan Muatan (BDM) prime mover dan treler yang dibenarkan untuk perkongsian atau pertukaran (interchanging) adalah tertakluk kepada BDM semi-treler / treler; atau Berat Gabungan Keseluruhan (BGK) prime mover, yang mana terendah;
- Penguatkuasaan ke atas kesalahan di bawah akta-akta yang terlibat dengan perubahan polisi ini akan dikenakan kepada pemilik prime mover sahaja; dan
- Perubahan polisi ini akan digerakkan secara berfasa. Pelaksanaan Fasa 1 ini dihadkan kepada kargo kontena (containerized cargo) sahaja.

Permohonan perlu dikemukakan oleh syarikat logistik kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP) Sabah dan Sarawak untuk kelulusan.

3rd Green Logistics Partnership Conference (GLPC) 2021



3rd Green Logistics Partnership Conference (GLPC) 2021

Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2019 telah meluluskan pengajuan Green Logistics Partnership Conference (GLPC) setiap dua tahun sekali. Pengajuan ini adalah selaras dengan peranan Malaysia sebagai negara peneraju untuk inisiatif logistik hijau di bawah ASEAN-Japan Transport Partnership (AJTP).

Pengajuan persidangan ini juga merupakan salah satu daripada inisiatif yang telah dirangka di bawah Pelan Pelaksanaan Dasar Pengangkutan Negara 2019 – 2030.

Objektif pelaksanaan GLPC adalah untuk:

- Menjadi satu platform kebangsaan dalam mendapatkan komitmen dan memberi kesedaran kepada pihak-pihak berkepentingan dalam industri logistik bahawa manfaat besar dari segi penjimatan kos operasi dan peningkatan kecekapan boleh diperolehi dengan mengamalkan logistik hijau.
- Berperanan menangani salah faham di kalangan pemain industri logistik bahawa amalan logistik hijau memerlukan perbelanjaan modal yang tinggi; dan
- berperanan sebagai medium untuk memperkenalkan dan berkongsi inisiatif dan amalan terbaik yang boleh memberi manfaat kepada pemain industri logistik tempatan.


Bertemakan "Saving Through Sharing", 3rd GLPC telah diadakan pada 19 November 2021 secara maya. Seramai 210 orang peserta terdiri daripada wakil Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism (MLIT), Jepun, wakil-wakil negara ASEAN, wakil-wakil syarikat logistik daripada Jepun serta pemain industri logistik tempatan. GLPC telah membincangkan 4 topik utama iaitu:

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

Bertemakan "Saving Through Sharing", 3rd GLPC telah diadakan pada 19 November 2021 secara maya. Seramai 210 orang peserta terdiri daripada wakil Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism (MLIT), Jepun, wakil-wakil negara ASEAN, wakil-wakil syarikat logistik daripada Jepun serta pemain industri logistik tempatan. GLPC telah membincangkan 4 topik utama iaitu:

- ***Green Logistics Policies for Sustainable Development in Japan***
Speaker: Mr. Ohtsubo Hirotoshi,
Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism (MLIT) Japan
- ***What Logistics Should be in Future?***
Speaker: Mr. Sakamoto Daisuke
Japan Institute of Logistics System (JILS)
- ***Green Logistics - Road Freight Transport, Recommended Best Practices***
Speaker: Mr. Ohtsubo Hirotoshi,
Ministry of Land, Infrastructure, Transport and Tourism (MLIT) Japan
- ***Sharing of Prime Mover and Trailer under Group of Companies***
Speaker: Mr. Thomas A/L Ramadas
Swift Haulage Berhad

Mesyuarat Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (National Logistics Task Force - NLTF)



Mesyuarat NLTF Bil.2/2021

Mesyuarat pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (*National Logistics Task Force -NLTF*) telah diberi mandat sebagai jawatankuasa yang memacu dan memantau pelaksanaan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan. NLTF juga menangani isu berkaitan industri logistik yang dibangkitkan oleh pemain industri. Ia adalah platform untuk menyelaraskan hal logistik di kalangan agensi dan pemain industri.

NLTF dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan dan ahlinya terdiri daripada agensi kerajaan dan ahli akademik serta pemain industri. Mesyuarat ini telah berjaya diadakan sebanyak 2 kali sepanjang tahun 2021 secara hibrid iaitu pada 27 Mei 2021 dan 18 November 2021. Antara fungsi utama mesyuarat ini adalah memantau, merancang dan memastikan pelaksanaan Mesyuarat Kumpulan Kerja Kluster (Cluster Working Group) (CWG) 1, 2, 3 dan 4 yang dianggotai oleh beberapa Jabatan/Kementerian seperti Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Jabatan Kastam DiRaja Malaysia (JKDM), Kementerian Sumber Manusia (KSM) serta Kementerian Dalam Negeri (KDN) bersama MOT menerusi NLTF.

Mesyuarat ini telah dilaksanakan mengikut ketetapan objektif dan halatuju bagi memastikan semua isu dan usaha ke arah memajukan industri logistik negara tercapai selaras dengan dasar-dasar Kerajaan.

BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN ANTARABANGSA

Pembangunan MyLogistik




Majlis Pelancaran MyLogistik oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia

MyLogistik dibangunkan bertujuan sebagai pangkalan data geospatial pengangkutan dan logistik yang berpusat sebagai rujukan kepada orang awam terutama pemain industri dan agensi kerajaan. Pembangunan platform ini menyokong evidence based planning yang strategik seperti digariskan dalam RMKe-12, Dasar Pengangkutan Negara dan Logistics and Trade Facilitation Masterplan. Projek ini dilaksanakan secara kolaborasi antara MOT dan Pusat Geospatial Negara (PGN).

MyLogistik ini telah dilancarkan pada 18 November 2021 oleh YB Menteri Pengangkutan dan boleh diakses oleh orang awam. Sehingga kini, terdapat hampir 500 orang telah menggunakan MyLogistik ini.

The accompanying notes are an integral part of these financial statements.



The accompanying notes are an integral part of these financial statements.



2023

2024

**BAHAGIAN
PENGURUSAN
SUMBER MANUSIA**





CONTRACT

Vorontsov Artyom, represented by designated attorney in California, a Mr. and Kristina Krasava, represented by the "Insurer", on the one hand, and a C.P.C. Center of Legal Proceedings, a limited liability company, represented by the "Broker", on the other hand, hereinafter referred to individually and collectively referred to respectively as "The Party" and "The Parties". After reviewing this Contract, the parties conclude that there are no disputes between them.

1. Object of this contract.
The parties enter into this Contract, after the Broker has made arrangements for insurance of flight connecting nodes the "Contractor" (hereinafter referred to below as "the Contractor"),
2. Contract.
The parties agree that the conclusion of such agreement or arrangement should be determined by the
"Broker".
3. Obligations of the parties.
a. The Contractor shall ensure that the parties have entered into the terms and conditions of this Contract,
as well as the performance of the obligations arising from the performance of both by the Contractor
and the Broker.
b. The Contractor shall provide to the Broker information about the flight, including:
i) flight number;
ii) departure time;
iii) destination;
iv) flight route;
v) aircraft used;
vi) flight crew;
vii) passengers;
viii) other information required by the Broker.
c. The Contractor shall provide to the Broker information about the flight, including:
i) flight number;
ii) departure time;

4. Payment.

The payment of the

amount of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.

The payment of the

Broker's fee will be made by the Contractor to the Broker at the time of the conclusion of the

Contract.



BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

LATAR BELAKANG



Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) merupakan satu bahagian di bawah Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) yang terdiri daripada 3 unit utama iaitu Unit Perkhidmatan, Unit Pembangunan Organisasi dan Unit Pembangunan Kerjaya. Unit Perkhidmatan terlibat dalam pengurusan personel, perkhidmatan dan menganalisa keperluan strategik tenaga kerja secara holistik. Unit Pembangunan Organisasi pula terlibat dalam pengurusan pengukuhan perjawatan, kajian skim, elauan perkhidmatan dan mentadbir sistem HRMIS MOT. Manakala Unit Pembangunan Kerjaya terlibat dalam pembangunan kompetensi, kenaikan pangkat, sahsiah, psikologi dan pengurusan pengiktirafan.

Selain menguruskan keperluan sumber manusia dan organisasi bagi MOT, BPSM juga turut memantau dan berperanan membantu memenuhi keperluan sumber manusia organisasi /jabatan/agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT).

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

UNIT PEMBANGUNAN ORGANISASI (PO)

Pengukuhan Perjawatan MOT

Pengukuhan dan penambahbaikan struktur organisasi MOT, jabatan/agensi di bawahnya sentiasa dilaksanakan bagi memastikan MOT sentiasa memainkan peranan secara signifikan dan berimpak tinggi bagi memastikan transformasi negara, penambahbaikan sistem penyampaian perkhidmatan secara menyeluruh dan tersusun dapat dilaksanakan secara berterusan. Perkara ini dapat dilaksanakan melalui pelbagai inisiatif strategik yang dirangka, antaranya menambahbaik jaringan (connectivity) ke pelabuhan, pengenalan kepada pelbagai pengendali operasi rel, pelaksanaan program keselamatan jalan raya dan lain-lain lagi bagi memenuhi ekspektasi rakyat iaitu seiring dengan pelancaran Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030. Matlamat DPN adalah bagi membangunkan sektor pengangkutan mampan yang memacu pertumbuhan ekonomi dan menyokong kesejahteraan rakyat seiring dengan status negara maju.

Susulan itu, beberapa pindaan waran perjawatan dilaksanakan secara berterusan berdasarkan keperluan semasa. Beberapa pindaan waran perjawatan telah dilaksanakan sebagaimana berikut:

- i. Penjenamaan semula Unit Pelesenan Kerjasama Serantau kepada Unit Perkhidmatan Luar Bandar di Bahagian Udara;
- ii. Pindah butiran satu (1) jawatan Pegawai Tadbir & Diplomatik Gred M44 daripada Unit Keselamatan dan Konvensyen kepada Unit Perkhidmatan Luar Bandar di Bahagian Udara; dan
- iii. Penutupan status jawatan terbuka bagi jawatan Ketua Siasatan dan Risikan di Unit Integriti, Jabatan Pengangkutan Jalan daripada Gred 48 (Terbuka) kepada Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48.

Pelaksanaan HRMIS Tahun 2021

Pencapaian KPI HRMIS tahun 2021 berdasarkan laporan Sistem ASSIST Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) sehingga 31 Disember 2021 adalah seperti berikut:

Bil.	Rekod	Pencapaian
1.	Pelaksanaan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Tahun 2020 melalui HRMIS	95.14%
2.	Pemurnian data bagi 22 elemen Data Perjawatan, Rekod Peribadi Dan Profil Perkhidmatan di HRMIS.	99.74%
3.	Pelaksanaan Perisyntiharhan Harta melalui HRMIS	91.53%
4.	Pelaksanaan Penamatan Perkhidmatan melalui HRMIS	100%
5.	Pengemaskinian Data Perjawatan: Perbandingan Bilangan Perjawatan Di Antara HRMIS Dan MyPost	100%
6.	Pelaksanaan Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) bagi Tahun 2020 melalui HRMIS.	98.15%
Pencapaian Keseluruhan KPI HRMIS Tahun 2021		97.42%

Nota : Markah adalah berdasarkan laporan yang dijana melalui Sistem ASSIST HRMIS. Penangguhan pelaksanaan KPI HRMIS bagi Tahun 2021 bermakna tiada markah akhir dimuktamadkan oleh JPA.

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bengkel dan Latihan HRMIS

Sebanyak empat (4) latihan/bengkel HRMIS telah diadakan pada tahun 2021 iaitu melibatkan peserta daripada MOT dan Jabatan/Agenzi di bawah MOT. Latihan yang dilaksanakan adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran pentadbir HRMIS dan pemilik kompetensi HRMIS di setiap Jabatan/ Agenzi dari semasa ke semasa.

Berikut merupakan perincian bengkel dan latihan HRMIS yang telah dilaksanakan:

Bil.	Tajuk Latihan	Tarikh
1.	Kursus CO HRMIS Self Help	1 & 2 April 2021
2.	Kursus Pentadbir HRMIS Siri 1	23 Julai 2021
3.	Kursus Refresher HRMIS BPSM	12 Oktober 2021
4.	Taklimat SKT dan LNPT HRMIS	15ovember 2021



UNIT PERKHIDMATAN (PK)

Penugasan Semula Secara Sementara Semasa Tempoh Proklamasi Darurat 2021

Pada tahun 2021, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah menyelaraskan urusan penempatan pegawai bagi tujuan penugasan semula secara sementara ke agensi perkhidmatan perlu semasa tempoh Proklamasi Darurat 2021. Urusan penugasan semula ini melibatkan pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan keseluruhannya dan tidak tertakluk kepada pegawai perkhidmatan gunasama sahaja. Bagi maksud ini, BPSM telah menyelaraskan urusan ini untuk Kementerian Pengangkutan dan Jabatan /Agenzi di bawahnya sepanjang tahun 2021. Seramai 58 orang warga/ kakitangan Kementerian telah terlibat dalam penugasan semula ini iaitu seramai 24 orang daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan seramai 34 orang daripada Kumpulan Pelaksana.

Pusingan Kerja Bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di Kementerian Pengangkutan Malaysia

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2004: Panduan Pertukaran Pegawai Awam (PP Bil.3/2004) menetapkan Ketua Jabatan boleh melaksanakan pusingan kerja sekiranya:

- i. Pegawai telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi lima (5) tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan sensitif; dan
- ii. Pegawai yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun tetapi tidak melebihi lapan (8) tahun di suatu jawatan yang diklasifikasikan sebagai jawatan bukan sensitif;

Dalam hal ini, JPA telah mengeluarkan Surat Edaran bertarikh 9 April 2021 berkenaan pelaksanaan pusingan kerja dalaman bagi pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan di Kementerian dan Jabatan. Keperluan pelaksanaan pusingan kerja ini melibatkan pegawai dan kakitangan yang ditempatkan di jawatan-jawatan sensitif yang cenderung kepada isu berkaitan salah laku. Pelaksanaan arahan ini melibatkan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan pegawai Gred 54 dan ke bawah yang layak dibuat pusingan dan pelaksanaan pusingan kerja juga perlu dilaporkan kepada JPA. Perkara ini juga selaras dengan pemantauan Pelaksanaan Inisiatif Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MOT berhubung pusingan kerja yang perlu dilaporkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah MOT.

Berhubung perkara ini, sebanyak 10 urusan pusingan kerja di MOT telah dijalankan melalui kertas Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) bagi tahun 2021. Pelaksanaan pusingan kerja bagi pegawai/kakitangan di MOT ini adalah bagi membantu pegawai memperkaya dan memperluaskan tugas (*job enrichment and job enlargement*) dan kompetensi baharu.

UNIT PEMBANGUNAN KERJAYA (KJ)

Latihan / Kursus Warga MOT

Sepanjang tahun 2021, kursus dan latihan diadakan secara bersemuka dan dalam talian seperti arahan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Penumpuan kursus dan latihan bagi Warga MOT pada tahun 2021 adalah bagi meningkatkan motivasi dalam penyampaian perkhidmatan pada masa negara sedang dalam usaha memerangi penularan wabak COVID-19.

Pelaksanaan "Kursus Penyesuaian Norma Baharu Agar Kekal Proaktif Dalam Pekerjaan Dan Kehidupan" menjadi wadah kepada pegawai MOT untuk memahami secara mendalam aspek pengurusan diri dan keluarga agar dapat dipraktikkan dalam kalangan warga MOT di peringkat Kementerian, kebangsaan dan antarabangsa sekaligus memudahkan penyampaian perkhidmatan kepada golongan sasar. Hal ini juga menitikberatkan akan elemen kesejahteraan psikologi pegawai tatkala dalam mendepani cabaran di dalam keadaan yang tidak menentu ini.

Rumusan Latihan/ Kursus Tahun 2021 BPSM

BPSM juga telah menghantar seramai 28 orang pegawai untuk berkursus di luar Kementerian anjuran jabatan/agensi Kerajaan dan pihak swasta. Pelaksanaan latihan secara *in-house* dan di luar Kementerian ini dapat meningkatkan kompetensi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan potensi dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan prestasi serta produktiviti warga MOT.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 dan Jasamu Dikenang Tahun 2021

Penganjuran Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2020 telah dilaksanakan bersekali dengan Majlis Jasamu Dikenang Tahun 2021 dan telah diadakan pada 30 Mac 2021 di Dewan Serbaguna, Kementerian Pengangkutan Malaysia yang dirasmikan oleh YB Menteri Pengangkutan Malaysia. Penggabungan penganjuran ini merupakan inisiatif BPSM dalam merealisasikan dasar penjimatan di samping meraikan warga yang akan meninggalkan perkhidmatan awam bersama dengan pegawai berprestasi cemerlang. Seramai 37 orang pegawai dan kakitangan Kementerian dan 3 orang pesara telah diraikan dalam majlis tersebut.

Majlis tersebut juga bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga MOT di atas sumbangan dan pencapaian serta prestasi cemerlang yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2020 dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi di samping penglibatan secara aktif dalam kegiatan sukan, kemasyarakatan, persatuan dan lain-lain sumbangan bakti yang bermanfaat kepada Kementerian dan negara.

Selain itu, majlis ini juga bertujuan untuk memberi penghargaan kepada pesara-pesara yang bersara wajib atau bersara pilihan pada tahun 2021 di atas jasa dan khidmat bakti yang telah dicurahkan sepanjang berkhidmat di MOT dan juga di jabatan serta agensi.



Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2021 Kementerian Pengangkutan Malaysia

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) merupakan saluran komunikasi dua (2) hala di antara Pihak Pegawai (Pihak Pengurusan) dengan Pihak Pekerja di peringkat Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT). MBJ bertujuan untuk memperolehi kerjasama yang menyeluruh di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja bagi mengemukakan pendapat, mengambil bahagian secara aktif dalam membincang dan menyelesaikan isu-isu setempat serta menyumbang idea-idea bernalas untuk kepentingan dan kebaikan organisasi.

Bagi tahun 2021, MBJ telah dilaksanakan mengikut ketetapan keperluan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam iaitu sebanyak tiga (3) kali setahun. Pelaksanaan MBJ MOT bagi tahun 2021 adalah seperti berikut:

- i. Bilangan 1: 26 April 2021
- ii. Bilangan 2: 05 Ogos 2021
- iii. Bilangan 3: 18 November 2021

MOT “ HR Open Day ” 2021

MOT HR Open Day 2021 yang bertujuan bagi memastikan pengurusan sumber manusia yang tepat untuk warga MOT dengan menawarkan perkhidmatan meliputi urusan perkhidmatan pegawai, pembangunan organisasi, pembangunan kerjaya dan pengurusan psikologi telah diadakan pada 27 hingga 29 Oktober 2021. Pengisian program secara selari dijalankan sepanjang tiga (3) hari program iaitu semakan maklumat perkhidmatan di dalam Buku Rekod Perkhidmatan, rekod di dalam HRMIS, kuiz, pelbagai permainan interaktif dan kempen derma darah. MOT HR Open Day turut melibatkan program ceramah berkaitan perkhidmatan sumber manusia, pengurusan stres dan pengurusan kewangan daripada pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam, Pegawai Psikologi dan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) secara webinar dengan menggunakan aplikasi sidang video.

Seramai dua ratus empat puluh lima (245) warga MOT telah hadir secara fizikal, manakala bagi ceramah secara atas talian, ianya merekod kehadiran seramai lima ratus empat puluh tujuh (547) orang. Kempen Derma Darah yang diadakan pada 27 Oktober 2021 telah mendapat penyertaan seramai tujuh puluh sembilan (79) orang warga MOT.

UNIT PSIKOLOGI

Naziran Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia

Pada tahun 2021, BPSM MOT telah berjaya mendapat penganugerahan dan penarafan kecemerlangan dalam Naziran Standard Kualiti Perkhidmatan Psikologi Sumber Manusia oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dengan jumlah pemarkahan sebanyak 95.12 peratus (%) [Cemerlang].


Laporan Pengauditan Nilai Bagi Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0)

Pasukan Audit Nilai Kementerian Pengangkutan di bawah keurusetiaan Bahagian Pengurusan Sumber Manusia telah melaksanakan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) bagi tahun 2021. Seramai dua ratus lima puluh sembilan (259) orang warga Kementerian telah terlibat di dalam pengauditan ini. Indeks Komposit Nilai MOT yang diperolehi adalah sebanyak 84.22 peratus (%) iaitu pada tahap pengamalan nilai yang boleh diterima dengan meneruskan usaha peningkatan. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Amalan Nilai (SPAN 2.0) adalah sebagai usaha untuk meningkatkan pembudayaan nilai dan integriti sektor awam ke arah penyampaian Perkhidmatan Awam yang efektif dan cemerlang.

Program Pembangunan Personel

Setiap tahun Unit Pengurusan Psikologi akan menganjurkan program psikologi dan kaunseling dalam bentuk bengkel/kursus/ceramah yang bertujuan mewujudkan pegawai yang memiliki nilai dan etika kerja serta sikap yang positif. Sepanjang tahun 2021, sebanyak empat (4) Program Pembangunan Personel telah dilaksanakan yang melibatkan seramai lima ratus tiga puluh tiga (533) orang warga MOT dan Jabatan di bawah MOT seperti perincian berikut:

Bil.	Nama Program	Jantina		Kumpulan		Kursus/Bengkel/Ceramah Input Psikologi Dan Kaunseling		
		L	P	P&P	SOK	Jum. Peserta	Tempat	Tarikh
1.	Bicara Psikologi: Take Care of Yourself	15	35	21	29	50	MS Teams	17 Mac 2021
2.	Bicara Psikologi: Kekuatan Mental Menghadapi Pandemik COVID-19	35	71	40	66	106	Google Meets	3 Jun 2021
3.	Bicara Psikologi: Tangani 'Burnout' Cipta Keseronokan Bekerja	81	145	47	170	226	MS Teams	6 Julai 2021
4.	Program Kesedaran Gangguan Seksual: Ancaman Secara Fizikal dan Media Sosial	56	95	33	118	151	MS Teams	11 Ogos 2021
JUMLAH		187	346	141	382	533		



Bicara Psikologi: Kekuatan Mental Menghadapi Pandemik COVID-19



Program Kesedaran Gangguan Seksual: Ancaman Secara Fizikal dan Media Sosial

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB)

Program dan Kursus Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) dilaksanakan setiap tahun bagi membantu meningkatkan kemahiran ahli AKRAB dalam mengadakan sesi bimbingan, melatih melaksanakan ujian psikologi dan lain-lain kemahiran. Sebanyak dua (2) program/kursus utama AKRAB telah dilaksanakan sepanjang tahun 2021.

Kursus pertama yang telah dikuti oleh ahli AKRAB ialah Kursus Pemantapan AKRAB: Kemahiran Body Language yang telah dijalankan pada 26 Jun 2021 secara atas talian. Kemahiran ini diperlukan oleh pengamal bimbingan dan kaunseling serta AKRAB ketika menjalankan sesi bimbingan terutamanya untuk melancarkan perjalanan sesuatu komunikasi. Pengisian kursus telah disampaikan oleh seorang perunding latihan bahasa badan yang merupakan Certified Body Language Code Practitioner.

Kursus kedua adalah Kursus Pemantapan AKRAB Mindfulness pada 27 Julai 2021 yang juga diadakan secara atas talian. Penganjuran kursus adalah bertujuan untuk mempromosikan budaya psychology well-being meliputi kesejahteraan insan daripada segi fizikal, mental dan emosi terutama ketika berhadapan dengan pandemik COVID-19. Teknik Art Therapy telah digunakan sebagai salah satu tools untuk mengurangkan stres ketika COVID-19. Ahli AKRAB berpeluang untuk mendapatkan kemahiran dan mengaplikasikan Art Therapy. Pengisian kursus ini telah disampaikan oleh Pegawai Psikologi (Klinikal) daripada Bahagian Pengurusan Psikologi, JPA.



Kursus Pemantapan AKRAB:Kemahiran Body Language



Kursus Pemantapan AKRAB: Mindfulness

Program Pementoran

Program Pementoran Tahun 2020/2021 di Kementerian Pengangkutan telah dilaksanakan dengan jayanya melibatkan seramai dua belas (12) orang mentor dan dua belas (12) orang menti yang terdiri daripada Kumpulan Pengurusan Profesional dan Kumpulan Pelaksana di kalangan warga MOT dan Jabatan di bawah MOT.

Sebagai tanda pengiktirafan ke atas sumbangan serta dedikasi mentor dan menti, MOT telah menganjurkan Anugerah Pementoran Peringkat Kementerian dan Jabatan/ Agensi di bawah MOT. Jawatankuasa Panel Pemilihan (Memilih, Menilai & Menentukan) yang terdiri daripada Pengurus Sumber Manusia, Pegawai Psikologi dan Wakil Jawatankuasa Program Pementoran Agensi telah ditubuhkan. Terdapat seramai sembilan (9) orang mentor dan menti telah disenarai pendek untuk penganugerahan ini. Sesi Pembentangan Aktiviti juga diadakan pada 24 Ogos 2021 jam 2.30 petang secara atas talian. Antara pemenang adalah seperti berikut:

i. Anugerah Mentor Terbaik

Nama : Encik Nazri Bin Abd. Aziz
Jawatan : Penolong Pegawai Penguatkuasa Gred KP32


ii. Anugerah Menti Terbaik

Nama : Encik Mohd Faris Bin Abd Hamid
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19

iii. Anugerah Pasangan Mentor dan Menti Terbaik

Nama Mentor : Encik Mohd Ikmal Hisyam Bin Mohd Fuead
Jawatan : Pegawai Tadbir & Diplomatik, M48
Nama Menti : Encik Muhammad Hisham Bin Mazlan
Jawatan : Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) Gred N19

Sebagai tanda pengiktirafan, Sijil Penghargaan Program Pementoran YBhg. Datuk Ketua Setiausaha MOT juga telah diberikan kepada mentor dan menti yang berjaya menamatkan proses pementoran dalam tempoh enam (6) bulan.




Program Pementoran Tahun 202/2021

Kajian Kepuasan Kerja Warga MOT Tahun 2021

Kementerian Pengangkutan (MOT) telah melaksanakan Kajian Kepuasan Kerja Warga MOT pada 4 hingga 22 Oktober 2021 yang bertujuan untuk mengenal pasti tahap kepuasan bekerja warga MOT dan mengetengahkan isu berbangkit untuk penambahbaikan. Seramai tiga ratus empat puluh tujuh (347) orang warga MOT daripada jumlah pengisian perjawatan (441) orang telah menjawab kajian ini iaitu bersamaan dengan 78.68 peratus (%). Empat (4) faktor kepuasan diukur iaitu keperluan semasa, hubungan sosial, pengembangan potensi diri dan kemudahan fizikal.


Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tahap kepuasan kerja warga MOT berada pada tahap tinggi dengan Nilai Min 4.85 bersamaan 81 peratus (%) warga berpuas hati dengan faktor yang dikaji. Rajah di bawah menunjukkan dapanan tahap kepuasan mengikut faktor yang diukur.



Secara keseluruhan, kepuasan bekerja warga MOT berdasarkan faktor yang dikaji menunjukkan hubungan sosial yang baik di tempat kerja lebih memberi kepuasan. Manakala kemudahan fizikal menunjukkan kepuasan paling rendah berbanding faktor lain. Cadangan penambahbaikan telah dikemukakan kepada bahagian/unit yang berkaitan untuk diambil tindakan.

Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia Peringkat MOT Tahun 2021


Kajian Indeks Kesejahteraan Psikologi Malaysia (IKPM) peringkat MOT telah dijalankan pada 1 hingga 30 September 2021. Seramai enam ribu sembilan ratus lima belas (6,915) warga MOT, Jabatan dan Agensi di bawah MOT terlibat menjawab kajian tersebut. IKPM dilaksanakan dengan tujuan untuk mengukur tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam berdasarkan lima (5) domain iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsian psikologi dan kesejahteraan sosial.




Dapatan IKPM menunjukkan kesejahteraan psikologi penjawat awam di MOT, Jabatan dan Agensi di bawahnya berada pada tahap sederhana iaitu skor komposit 6.63. Domain skor yang paling tinggi adalah kesejahteraan kefungsian psikologi iaitu 7.97, diikuti dengan skor 7.47 bagi domain emosi positif, domain kepuasan hidup dengan skor 6.83 dan domain kesejahteraan sosial pada skor 6.78. Manakala, skor domain emosi negatif pula adalah yang paling rendah iaitu 5.89.

Secara keseluruhannya, tahap kesejahteraan psikologi yang sederhana perlu diperbaiki agar dapat melahirkan warga kerja yang sejahtera, berdaya saing dan bahagia. Melalui dapatan yang ditunjukkan, perbezaan antara kumpulan yang wujud boleh dijadikan indikator pelaksanaan intervensi dan dasar yang menjurus kepada tujuan meningkatkan elemen-elemen kesejahteraan psikologi dalam kalangan warga organisasi.

BAHAGIAN PENTADBIRAN







BAHAGIAN PENTADBIRAN



LATAR BELAKANG

Bahagian Pentadbiran (BT) telah menjadi satu bahagian yang diasingkan daripada Bahagian Kewangan pada tahun 2021 yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Pentadbiran. BT bertanggungjawab dalam pengurusan pentadbiran dan aset Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan jabatan/agensi di bawah MOT.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Mesyuarat Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bahagian Pentadbiran, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) Tahun 2022

Bahagian Pentadbiran (BT) telah menganjurkan Mesyuarat Penetapan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Bahagian Pentadbiran, MOT Tahun 2022 pada 12 hingga 14 November 2021 bertempat di Holiday Villa, Cherating, Pahang yang bertujuan untuk memperincikan dan mengkaji semula SKT tahunan yang dilaksanakan serta petunjuk prestasi utama bahagian di samping mengemaskini deskripsi tugas (JD) setiap warga kerja bahagian.




BAHAGIAN PENTADBIRAN

Majlis Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin Oleh Perdana Menteri Malaysia

Majlis Amanat Perdana Setahun Malaysia Prihatin telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) pada 1 Mac 2021 yang mengetengahkan konsep hibrid dengan menggabungkan kehadiran secara fizikal dan maya. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memaparkan insiatif kerajaan serta bantuan yang telah diberi kepada rakyat dan pencapaian dalam tempoh setahun oleh pihak Kerajaan di bawah pimpinan Perdana Menteri, YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin.

Seramai lebih kurang seratus (100) orang warga Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) termasuk warga Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah mengikuti siaran langsung majlis ini yang dipancarkan secara maya di Dewan Serbaguna, Aras 2, MOT yang diselaraskan oleh Bahagian Pentadbiran (BT).



Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menyertai Program Keceriaan Antara Kementerian Sempena Sambutan Bulan Kebangsaan Tahun 2021 yang dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Malaysia melalui Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM). Program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi galakan dan peluang kepada rakyat Malaysia khususnya semua penjawat awam untuk menzahirkan semangat patriotik di samping menyemarakkan Sambutan Bulan Kebangsaan. Di samping itu, program ini memberi fokus utama kepada suasana keceriaan sambutan ulang tahun kemerdekaan negara serta kreativiti pengibaran Jalur Gemilang di premis Kementerian masing-masing.

Program ini telah disertai oleh 27 buah Kementerian dan Jabatan/Agenzi dan MOT telah menerima pengiktirafan 5 Bintang dalam Majlis Apresiasi yang telah diadakan.



BAHAGIAN PENTADBIRAN



Persidangan Tahunan Pegawai Aset Tahun 2021

Persidangan Tahunan Pegawai Aset Tahun 2021 telah diadakan pada 23 November 2021 di Dewan Utama Perbendaharaan, Kementerian Kewangan Malaysia yang melibatkan semua pegawai-pegawai aset di kementerian-kementerian dan jabatan/agensi bagi memberi pendedahan serta pencerahan berhubung tatacara pengurusan aset yang lebih teratur berdasarkan pekeliling-pekeliling yang berkuatkuasa. Semasa persidangan tersebut juga Kementerian Pengangkutan Malaysia telah menerima pengiktirafan Pusingan Stok Terbaik Tahun 2020.




Taklimat Pegawai-Pegawai Aset Kementerian Pengangkutan Malaysia Tahun 2021

Bahagian Pentadbiran telah mengadakan Taklimat Pegawai-Pegawai Aset Kementerian Pengangkutan Tahun 2021 yang bertujuan untuk memberi pendedahan kepada pegawai-pegawai aset Kementerian berhubung prosedur pemeriksaan aset-aset Kementerian secara tahunan. Taklimat ini telah diadakan pada 24 dan 25 November 2021 bertempat di Bilik Latihan ICT, Kementerian Pengangkutan Malaysia.



BAHAGIAN PEMBANGUNAN





BAHAGIAN PEMBANGUNAN



BAHAGIAN PEMBANGUNAN

LATAR BELAKANG



Bahagian Pembangunan telah diwujudkan pada 21 Oktober 2009 melalui waran perjawatan Bil.K116 Tahun 2008 bertarikh 13 Oktober 2008. Bahagian ini terdiri daripada lima (5) unit utama iaitu Unit Pemantauan dan Penilaian Projek, Unit Pelaksanaan Projek Darat, Unit Pelaksanaan Projek Udara dan Maritim dan Unit Pengurusan Tanah dan Teknikal serta Unit Pasukan Khas Gemas – Johor Bharu.

Bahagian Pembangunan berfungsi untuk mengurus perancangan dan pembangunan Rancangan Malaysia Lima Tahun bagi sektor darat, udara dan maritim, memantau sistem maklumat projek-projek pembangunan kementerian, menilai keberkesanan penyelepasan dan pengawasan dalam pelaksanaan projek, menyemak anggaran belanjawan pembangunan RMLT (Mid Term Review), menyelaras dan membantu jabatan/agensi berkaitan permohonan dan isu - isu tanah dan membantu pegawai pembangunan di kementerian dan jabatan memiliki kompetensi tertentu bagi melaksanakan tugas-tugas pembangunan dengan mengadakan bengkel projek dan tanah setiap tahun.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2020


Projek-Projek Pembangunan Kementerian Pengangkutan Malaysia Tahun 2021

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah diperuntukkan sebanyak RM4,174,938,100 pada tahun 2021 untuk melaksanakan 78 projek pembangunan merangkumi 20 projek baharu dan 58 projek sambungan seperti di Jadual 1. Projek-projek pembangunan fizikal MOT ini dilaksanakan secara bersama dengan Jabatan/Agenzi di bawah MOT seperti Jabatan Laut Malaysia (JLM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Pihak Berkuasa Penerangan Awam Malaysia (CAAM), Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan juga agensi luar seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Jabatan Pengaliran dan Saliran (JPS).

Bahagian Pembangunan (BP) Kementerian telah dipertanggungjawabkan untuk melaksana dan memantau projek-projek pembangunan MOT yang telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM). Status projek-projek pembangunan tersebut akan dilaporkan secara bulanan dalam Mesyuarat Tindakan Pembangunan Kementerian (MTPK) yang dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan.

Jadual 1: Projek-Projek Pembangunan MOT di bawah RP1 Tahun 2021 RMKe-12

PECAHAN PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN MOT DI BAWAH RP1 TAHUN 2021 RMKe-12



BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Rolling Plan Pertama (RP1) Tahun 2021 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12)

Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah menerima peruntukan asal Perbelanjaan Pembangunan (DE) sebanyak RM4,174,938,100. Walau bagaimanapun, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah mengeluarkan notis waran sekatan berjumlah RM1,108,682,450 dan menjadikan keseluruhan peruntukan DE pada tahun 2021 adalah sebanyak RM3,066,255,650. Jumlah perbelanjaan projek-projek pembangunan dalam RP1 Tahun 2021 adalah sebanyak RM3,063,580,580 atau 99.91% daripada keseluruhan peruntukan perbelanjaan pembangunan selepas notis waran sekatan seperti di Jadual 2.

Jadual 2 : Prestasi Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan (DE) Tahun 2021



Pada Julai 2021, MOF telah memutuskan untuk mengelaskan semula lima (5) butiran di bawah Perbelanjaan Operasi (OE) kepada Perbelanjaan Pembangunan (DE) berjumlah RM243,918,600.00. Senarai program/projek yang terlibat adalah seperti berikut :

- i. OE ke DE (Reclass 2021) - Maintenance, Repair & Overhaul (KTMB)
- ii. OE ke DE (Reclass 2021) - Dana Bantuan Sementara Bas Henti-Henti (ISBSF)
- iii. OE ke DE (Reclass 2021) - Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-Henti (SBST)
- iv. OE ke DE (Reclass 2021) - Penyelenggaraan Sistem AwAS
- v. OE ke DE (Reclass 2021) - Penyelenggaraan Sistem Kerangka Utama (Mainframe)

Projek-Projek Pembangunan Yang Siap Pada Tahun 2021

Sejumlah tujuh puluh lapan (78) projek pembangunan telah diluluskan dalam *Rolling Plan Pertama (RP1)* Tahun 2021 Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu 20 projek baharu dan 58 projek sambungan. Sebanyak tujuh (7) projek pembangunan telah siap pada tahun 2021. Antara projek-projek berkenaan adalah seperti berikut;

BIL.	PROJEK	PROJEK SIAP
1.	Perolehan 9 Set (6 Cars) Electric Train Set (ETS)	18 Jan 2021
2.	Transformasi KTMB - Rolling Stock (12. Design, Manufacture, Supply, Testing And Commissioning Of 13 Units Of 4-Car Diesel Electric Multiple Unit (DMU))	4 Feb 2021
3.	Transformasi KTMB - Infrastruktur Landasan (5. Naiktaraf Depoh Penyenggaraan Jentera Landasan Di Shah Alam)	25 Mac 2021
4.	Pembinaan Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak	26 Mac 2021
5.	Landasan Pantai Timur- Pemuliharaan Formasi Landasan (Mud Pumping) & Penukar Batu Balas Di Antara Jerantut - Gua Musang (Pakej B)	5 Apr 2021
6.	Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (KL ATCC) Baru Dan Sistem-Sistem Berkaitan Bagi Kuala Lumpur Flight Information Region (FIR)	31 Ogos 2021
7.	Penggantian Dan Penambahbaikan Sistem Pengurusan Trafik Udara Di Kota Kinabalu Flight Information Region (Merangkumi Sabah Dan Sarawak)	10 Dis 2021

BAHAGIAN PEMBANGUNAN

Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre - KL ATCC) Sepang

Pada 1 Disember 2021, Perdana Menteri Malaysia, YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah menyempurnakan Majlis Perasmian Kompleks Pusat Kawalan Trafik Udara Kuala Lumpur atau lebih dikenali sebagai Kuala Lumpur Air Traffic Control Centre (KL ATCC) Sepang. Majlis ini turut dihadiri oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Dato Henry Sum Agong, Timbalan Menteri Pengangkutan, YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman, Pengurus Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia atau Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM) dan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT),

Kerajaan telah meluluskan Projek KL ATCC baharu sebagai salah satu projek pembangunan di bawah RM Ke-11 yang telah dimulakan pada 18 Januari 2016 dan telah disiapkan pada 31 Ogos 2021. Kompleks ini direka dengan bangunan yang berbentuk layang-layang tradisional tempatan atau wau bersama sentuhan moden, KL ATCC menempatkan operasi perkhidmatan trafik udara bagi seluruh ruang udara Semenanjung Malaysia, malah turut menempatkan Pusat Mencari Dan Menyelamat atau Search And Rescue Negara serta Joint Airspace Management Coordination Center (JAMCC).




Perasmian Lapangan Terbang Baharu Mukah, Sarawak



Pada 4 Disember 2021, Lapangan Terbang Baharu Mukah telah dirasmikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob dengan kehadiran YAB Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Abang Abdul Rahman Zohari bin Tun Datuk Abang Haji Openg dan Menteri Pengangkutan Malaysia, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong. Projek ini mula dibina pada 11 Ogos 2017 bagi menggantikan STOLport Mukah dan telah siap sepenuhnya dan memulakan operasinya pada 17 Jun 2021.

Lapangan terbang ini turut dilengkapi dengan bangunan terminal baharu seluas 3,125 meter persegi, landasan sepanjang 1,500 meter dan lebar 30 meter, sistem pemantauan angin dan jarak penglihatan. Lapangan Terbang Baharu Mukah direka bentuk untuk memberikan keselesaan dan menepati kehendak rakyat Mukah yang menggunakan perkhidmatan udara luar bandar yang menjadi nadi kepada pergerakan penumpang dan barang di kawasan terbatit.



Tren Diesel Multiple Unit (DMU) Menggantikan Perkhidmatan Tren Diesel Konvensional KTM Intercity

Pada 11 April 2021, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia telah merasmikan Majlis Pelancaran Tren Diesel Multiple Unit (DMU) Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) di Stesen KTMB Pasir Mas, Kelantan. Tren DMU diperkenalkan khusus untuk menggantikan perkhidmatan tren diesel konvensional KTM Intercity untuk jajaran Pantai Timur bagi sektor Tumpat – Kuala Lipis.

Tren DMU mempunyai empat (4) koc yang mana setiap unit dilengkapi dengan fasiliti moden seperti skrin LED, soket kuasa, ruang solat, tandas, bistro dan ruang menyimpan barang. Tren DMU ini juga mesra untuk Orang Kurang Upaya (OKU), iaitu mempunyai empat tempat duduk dan tandas yang memenuhi keperluan penumpang OKU. Secara tidak langsung, tren DMU ini akan dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselesaan tren penumpang di Pantai Timur.



Lawatan Turun Padang Pengurusan Tertinggi Kementerian Pengangkutan Ke Projek-Projek Pembangunan

Pemantauan projek-projek pembangunan turut dipantau oleh Pengurusan Tertinggi Kementerian melalui lawatan turun padang bagi projek-projek pembangunan MOT. Lawatan turun padang ini bertujuan memantau status/ perkembangan projek dan mengenalpasti isu-isu projek serta tindakan susulan yang boleh diambil agar projek dapat disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Lawatan-lawatan ini dipantau melalui Sistem iPantau yang dikawal selia oleh Unit Penyelarasaran Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM).



Lawatan YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Menteri Pengangkutan Malaysia ke Projek Kota Kinabalu Flight Information Region



Lawatan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ke Projek Menaik Taraf Kemudahan Infrastruktur Landasan Berkembar Elektrik Di Lembah Kelang (KVDT) Fasa 1



Lawatan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ke Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra, Kota Bharu, Kelantan



Lawatan YBhg. Datuk Isham Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) ke Projek Naik Taraf Landasan Pantai Timur (Pakej A)

BAHAGIAN AKAUN





BAHAGIAN AKAUN



BAHAGIAN AKAUN

LATAR BELAKANG



Bahagian Akaun, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) berfungsi sebagai Pejabat Perakaunan yang menyediakan Perkhidmatan Pengurusan Perakaunan dan Kewangan dan dipantau oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM).

Selaras dengan objektif Jabatan Akauntan Negara (JANM) iaitu mempertingkatkan akauntabiliti dan ketelusan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Persekutuan, Bahagian Akaun bertanggungjawab dalam memastikan maklumat perakaunan disediakan dengan tepat dan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan.


Sepanjang Tahun 2021, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan oleh Bahagian Akaun bagi mencapai matlamat peningkatan akauntabiliti dan ketelusan dalam pengurusan perakaunan dan kewangan Kementerian Pengangkutan Malaysia yang merangkumi bidang keutamaan Perakaunan Kewangan, Perakaunan Pengurusan, Perundingan dan Pemantauan.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Prestasi Hasil


Hasil MOT yang telah diakaunkan bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM4.82 bilion. Hasil MOT terdiri daripada Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Bukan Cukai mencatatkan 87.47% daripada keseluruhan hasil iaitu sebanyak RM4.22 bilion dan Pelbagai Terimaan pula mencatatkan 12.53% daripada jumlah hasil tersebut. Keseluruhan hasil MOT adalah seperti dalam carta di bawah.

**PERATUSAN KUTIPAN HASIL MENGIKUT JENIS TERIMAAN
BAGI TAHUN 2021**



ANALISIS TREND HASIL MOT BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN

STATISTIK HASIL MOT BAGI TEMPOH LIMA (5) TAHUN




BAHAGIAN AKAUN

Prestasi Perbelanjaan

Sepanjang tahun 2021, Perbelanjaan Mengurus bagi Kementerian Pengangkutan adalah sebanyak RM1.437 bilion bagi pelbagai bayaran seperti emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pembelian aset dan pemberian dan kenaan tetap. Prestasi pembayaran paling tinggi adalah bagi emolumen iaitu sebanyak 101.53% diikuti pemberian dan kenaan tetap sebanyak 99.46%, perkhidmatan dan bekalan sebanyak 96.34% dan pembelian aset sebanyak 92.36%. Ringkasan perbelanjaan adalah seperti carta di bawah.

JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2021


JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS BAGI TAHUN 2021



Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2021 menunjukkan prestasi perbelanjaan sebanyak RM3.325 bilion.

Prestasi Pembayaran Bil dan Tuntutan MOT Bagi Tahun 2021

MOT telah mencapai 100 peratus bil dibayar dalam tempoh 14 hari yang melibatkan 71,010 bil. Sebanyak 71,005 (99.99%) bil dibayar dalam tempoh 1 hingga 7 hari dan 5 (0.01%) bil dibayar antara 8 hingga 14 hari. Manakala terdapat 1 (0.00%) bil dibayar melebihi tempoh 14 hari. Ringkasan prestasi pembayaran bil dan tuntutan keseluruhan kementerian ini bagi tahun 2021 adalah seperti carta berikut.



Prestasi Akaun Amanah

Kumpulan Wang Amanah Khas dan Akaun Amanah Awam Seksyen 9

Terdapat dua (2) Kumpulan Wang Amanah Khas dan tiga (3) Akaun Amanah Awam Seksyen 9 di bawah MOT. Secara keseluruhannya, baki akhir Akaun Amanah adalah sebanyak RM 379.02 juta. Perincian bagi setiap baki akhir Akaun Amanah adalah seperti dalam Jadual di bawah.

Bil.	Perihal Amanah	Baki Kemaskini (RM)
1.	Kumpulan Wang Dius Api	306,528,427
2.	Kumpulan Wang Pusat Perdagangan Laut	27,357,744
3.	Akaun Amanah Institut Latihan Pentadbiran & Pengurusan Laut (ILPPL)	1,213,667
4.	Akaun Amanah Alat Bantuan Pelayaran Selat Melaka & Melaka	26,978,390
5.	Akaun Amanah Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia	16,946,173
JUMLAH KESELURUHAN		379,024,401

BAHAGIAN AKAUN

Prestasi Deposit

Sehingga 31 Disember 2021, jumlah baki deposit keseluruhan MOT adalah sebanyak RM160.68 juta. Baki Akaun Deposit yang masih aktif mengikut jabatan adalah seperti dalam jadual berikut.

BIL	Perihal Amanah	Baki Kemaskini (RM)
1.	Deposit Kuarters Kerajaan	36,120.00
2.	Deposit Cagaran Sewa Bangunan	522,185.50
3.	Deposit Wang Jaminan Pelaksana	151,015,227.33
4.	Deposit Am	2,100.00
5.	Deposit Cagaran Kantin	26,783.45
6.	Deposit Tender	1,005.00
7.	Deposit Jualan dan Pelupusan Kenderaan Rampasan	1,350,000.00
8.	Deposit Pindahan Dana Elektronik Terbatal	117,782.77
9.	Deposit Terimaan Tidak Diperuntukkan	7,565,420.66
10.	Deposit Lelong Harta Kerajaan	50,915.05
Jumlah Keseluruhan		160,686,839.76

Aset Kementerian

Sepanjang tahun 2021, Bahagian Akaun masih lagi terlibat dengan aktiviti pengumpulan data baki awal aset bertujuan untuk menyemak dan mengesahkan kewujudan fizikal aset jabatan di bawah kementerian bagi memastikan nilai aset yang dimuat naik dan direkodkan di penyata kewangan adalah tepat.

Sehingga 31 Disember 2021, baki semasa aset Kementerian yang telah diperakaunkan adalah sebanyak RM80.95 bilion seperti dalam carta di bawah:



Penyata Kewangan Kementerian

Bahagian Akaun telah berjaya mengemukakan Penyata Kewangan berasaskan akruan di peringkat Kementerian bagi tahun 2021 pada 28 Mac 2022 kepada JANM untuk disatukan.

Perakaunan Pengurusan

Perakuan Pengurusan Sektor Awam meliputi empat (4) elemen iaitu Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko, Pengekosan, Pengukuran Prestasi dan Analisis Sumber. Pelaksanaan elemen ini adalah secara berperingkat. Pada tahun 2021, Bahagian Akaun telah melaksanakan Analisis Penyata Kewangan dan Penilaian Risiko serta Pengekosan. Bagi Pengekosan, sebanyak 23 daripada 48 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) telah melaksanakan PTJ Based Costing (PBC) di sistem MyCost.

Aktiviti Naziran

Bahagian Akaun juga memantau pengurusan kewangan dan perakaunan di Pusat Tanggung Jawab (PTJ) melalui pelaksanaan Aktiviti Naziran Pematuhan Perakaunan Akruan bagi tahun 2021. Skop naziran yang telah dijalankan adalah Naziran Belanja (Pengurusan Dokumen Kewangan, Pengurusan Bayaran, Pengurusan Gaji), Naziran Aset (Hartanah, Loji dan Peralatan) dan Naziran Hasil seperti rajah di bawah:



BAHAGIAN AKAUN


BILANGAN NAZIRAN YANG TELAH DILAKSANAKAN PADA TAHUN 2021

Jabatan/ Agensi	Naziran Belanja	Naziran Aset
	Bil PTJ	Bil PTJ
MOT	1	1
JPJ	2	2
JLM	5	1
APAD	1	0
JUMLAH	9	4

Perundingan dan Khidmat Nasihat

Bahagian Akaun telah melaksanakan pelbagai program secara berterusan untuk memantapkan dan memberi nilai tambah dalam aspek pengetahuan dan kemahiran serta sebagai persediaan kepada pusat tanggungjawab di bawah MOT dalam Pelaksanaan Perakaunan Akruan. Antaranya adalah memberikan khidmat nasihat berkaitan pengurusan perakaunan dan kewangan kepada PTJ mengenai prosedur, piawaian perakaunan, kewangan serta mengurus dan melaksanakan latihan berkaitan sistem perakaunan kewangan kerajaan iaitu iGFMAS.

Seiring dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia bagi membendung penularan wabak COVID-19, Bahagian Akaun telah menganjurkan latihan melalui platform atas talian. Sebanyak 3 latihan di bawah kategori Sistem iGFMAS, Dasar/Polisi Perakaunan Kewangan dan Generik Perakaunan telah dianjurkan seperti dipaparkan dalam jadual berikut:

SENARAI KURSUS TAHUN 2021

Pengurusan Aduan


Sejumlah 301 aduan telah diterima melalui emel dan telefon. Pecahan aduan terbahagi kepada 385 aduan menerusi laporan *incident* berkaitan sistem iGFMAS seperti capaian pengguna, isu teknikal seperti perkakasan, talian internet, token, e-vendor dan penjanaan laporan. Manakala 12 aduan merupakan khidmat nasihat berkaitan prosedur pengurusan kewangan dan perakaunan.

Penutupan Akhir Tahun Kewangan 2021

Taklimat berkaitan Peraturan Penutupan Akaun Akhir Tahun 2021 telah diadakan pada 17 November 2021 di Bilik Mesyuarat Samudera, MOT secara Video Conferencing bagi PTJ dan PP di Lembah Klang. Taklimat ini bertujuan untuk memberikan garis panduan dan tindakan yang perlu dipatuhi oleh PTJ pada akhir Tahun Kewangan 2021 yang meliputi panduan pengurusan bayaran, panjar dan terimaan.



**BAHAGIAN
PENGURUSAN
MAKLUMAT**





```
get a commit client
ClientClient client = new ClientClient();
client.setEventhandler(new SVNCommitEventhandler());
client.setEventhandler(new SVNCommitEventhandler());
public void handleEvent(SVNEvent event) {
    super.handleEvent(event, progress);
    if (event.getFile() != null) {
        result_paths.add(event.getFile());
    }
}

actually do the commit
CommitInfo info = client.doCommit(localPaths, cd.getOut(), null);
handle the results
OutputStream out = cd.getOut();
out.write(info.toXML().getBytes("UTF-8"));
out.close();
info.setSvnCommitInfo(null);

```


SVNPlugin/src/cse/plugin/svn/gui/LogResultsPanel.java
SVNPlugin/src/cse/plugin/svn/gui/StatusResultsPanel.java
SVNPlugin/src/cse/plugin/svn/gui/SubversionOptions.java

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

LATAR BELAKANG



Bahagian Pengurusan Maklumat (BPM) telah diwujudkan di Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) pada 1 Oktober 2008 bagi menggantikan Unit Teknologi Maklumat (Unit IT). Penubuhan ini selaras dengan program penstruktur semula MOT yang mengambil kira pertambahan bilangan pengguna dan keperluan ICT semasa, tadbir urus ICT serta bertanggungjawab untuk menentukan arah tuju dasar dan strategi pembangunan ICT di samping memantau semua program ICT agensi-agensi di bawah MOT.

Sepanjang tahun 2021, sejajar dengan visi misi dan fungsinya, BPM telah melaksanakan pelbagai aktiviti berkaitan projek Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) termasuk perancangan, pelaksanaan, program pembaharuan dan pemantapan sokongan dalam usaha meningkatkan mekanisme penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan selaras dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini.

Di antara pembaharuan yang telah dilaksanakan adalah merangka Pelan Strategik Pendigitalan (PSP) Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) bagi jangka masa 2021 – 2025 iaitu satu *blueprint* yang mengambil kira keperluan pelbagai aspek seperti hala tuju strategik Kementerian Pengangkutan, rangka pelaksanaan untuk implementasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT), sumber kewangan dan sebagainya bagi jangka masa lima tahun akan datang. Bagi memantapkan perancangan ini, pembangunan PSP MOT 2021–2025 telah dimulakan pada bulan Julai 2021 bagi melihat secara menyeluruh perancangan ICT Kementerian bagi tempoh 5 tahun akan datang. Seiring dengan pelan pelaksanaan jangka panjang, pelbagai projek telah dikenal pasti dan dirancang untuk pelaksanaan.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan MOT 2021-2025 (PSP MOT 2021-2025)

Bagi memastikan BPM mampu menyediakan perkhidmatannya kepada pelanggan di MOT, BPM terus disusun seiring dengan Pelan Strategik Pendigitalan Kementerian Pengangkutan 2021-2025 untuk memastikan semua keperluan sistem memberi impak positif terhadap prestasi operasi dan pendigitalan MOT agar dapat mencapai hasrat kerajaan dalam usaha menambah baik perkhidmatan pendigitalan sektor awam di seluruh negara.

Pelan Strategik Pendigitalan (PSP), Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) 2021 – 2025 (PSP MOT 2021-2025) merupakan sumber rujukan utama dalam menetapkan hala tuju pendigitalan MOT secara komprehensif selama lima tahun yang menggariskan strategi dan program sebagai panduan bagi pembangunan dan pelaksanaan inisiatif projek-projek digital MOT secara lebih tersusun dan efektif.

PSP MOT 2021 – 2025 merupakan *blueprint* yang meliputi visi, hala tuju strategik dan rangka pelaksanaan untuk merealisasikan inisiatif pendigitalan melalui implementasi Teknologi dan Komunikasi (ICT) bagi jangka masa lima tahun akan datang.

PSP MOT 2021-2025 memberi fokus terhadap peranan BPM MOT sebagai peneraju kecemerlangan ICT dalam menyokong fungsi MOT untuk melaksanakan dasar dengan cekap dan berkesan. Bagi memastikan pembangunan ini selari dengan fungsi utama MOT, PSP MOT 2021–2025 telah dijajarkan dengan pelaksanaan Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam (PSPSA) 2021–2025, Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 dan Pelan Strategik MOT 2021– 2025. Pembangunan PSP MOT 2021-2025 dan Pelaksanaan EA (Peringkat Strategik) ini turut akan dilaksanakan bersekali dengan Jabatan Laut Malaysia (JLM) dan Perbadanan Aset Keretapi (RAC).

PSP MOT 2021-2025 telah dibangunkan secara dalaman (*in-house*) dengan kerjasama khidmat rundingan daripada pihak MAMPU iaitu daripada Bahagian Perundingan ICT (BPI) dan Bahagian Pembangunan Strategik dan Arkitektur ICT (BSA). Metodologi pembangunan pelan ini adalah berdasarkan Panduan Perancangan Strategik ICT (PerSI) yang dibangunkan oleh MAMPU.

Pasukan pembangunan PSP MOT 2021-2025 diterajui oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) merangkap Ketua Pegawai Digital (CDO) MOT. Ahli pasukan terdiri daripada subject matter expert (SME) yang terdiri daripada wakil bahagian-bahagian dan unit-unit di MOT.

Mesyuarat Kick-Off Pembangunan Pelan Strategik Pendigitalan Tahun 2021-2025 (PSP MOT 2021-2025) Dan Pelaksanaan Enterprise Architecture (EA) (Peringkat Strategik) MOT telah diadakan pada 9 Julai 2021 secara telesidang. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Razali bin Mohamad, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) MOT selaku Ketua Pegawai Maklumat (CIO) MOT dan pihak MAMPU diketuai oleh Encik Ahmad bin Osman, Pengarah Bahagian Perundingan ICT. Mesyuarat turut dihadiri oleh Pejabat Pengurusan Operasi (PMO), Pasukan Projek PSP MOT, Pasukan Projek PSP JLM dan Pasukan Projek PSP RAC.

Dengan wujudnya pelan tersebut, pelaksanaan projek-projek ICT Kementerian Pengangkutan adalah lebih fokus dan tersusun menjurus ke arah kecemerlangan ICT bagi menyokong pentadbiran MOT melaksanakan dasar dengan cekap dan berkesan.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



Mesyuarat Kick Off Pembangunan PSP MOT 2021-2025 pada 9 Julai 2021



Mesyuarat Kick Off Pembangunan PSP MOT 2021-2025 pada 9 Julai 2021

Di samping itu, beberapa siri bengkel pembangunan PSP MOT 2021-2025 telah diadakan pada tahun 2021 seperti berikut:

a) Bengkel Analisis Persekutaran Semasa

Tarikh	23 dan 24 Ogos 2021 (Isnin & Selasa)
Tempat	Tele sidang melalui Microsoft Teams
Masa	8.30 pagi sehingga 5.30 petang
Peserta Bengkel	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasukan Perunding ICT, MAMPU ii. Pasukan Projek PSP MOT iii. Pasukan Projek PSP JLM iv. Pasukan Projek PSP RAC
Pencapai Objektif Bengkel	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengesahkan isu, cabaran dan peluang pendigitalan MOT, JLM dan RAC; ii. Membangunkan visi dan misi pendigitalan MOT, JLM dan RAC; dan iii. Mengesahkan diagram Enterprise Architecture (EA) bagi diagram Motivation Viewpoint (MV) dan diagram Landscape Map View (LMV)



Pelaksanaan Bengkel Analisis Persekutaran Semasa pada 23 dan 24 Ogos 2021

b) Bengkel Pembangunan Hala Tuju Strategik Pendigitalan

Tarikh	16 dan 17 November 2021 (Selasa & Rabu)
Tempat	Tele sidang melalui Microsoft Teams
Masa	8.30 pagi sehingga 5.30 petang
Peserta Bengkel	<ul style="list-style-type: none"> i. Pasukan Perunding ICT, MAMPU ii. Pasukan Projek PSP MOT iii. Pasukan Projek PSP JLM iv. Pasukan Projek PSP RAC
Pencapai Objektif Bengkel	<ul style="list-style-type: none"> i. Mengesahkan cadangan visi dan misi pendigitalan MOT, JLM dan RAC; ii. Membentuk teras strategik pendigitalan dan objektifnya; dan iii. Membentuk strategi dan program ICT

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT



Bengkel Pembangunan Hala Tuju Strategik Pendigitalan pada 16-17 November 2021

c) Bengkel Pelan Pelaksanaan

Tarikh	20 - 23 Disember 2021 (Isnin - Rabu)
Tempat	Hotel Dorsett, Putrajaya
Masa	8.30 pagi sehingga 5.30 petang
Peserta Bengkel	i. Pasukan Perunding ICT, MAMPU ii. Pasukan Projek PSP MOT iii. Pasukan Projek PSP JLM iv. Pasukan Projek PSP RAC
Pencapai Objektif Bengkel	i. Membangunkan Pelan Tindakan Pendigitalan; ii. Menentukan Anggaran Kos dan keutamaan bagi Pelan Tindakan Pendigitalan; dan iii. Membangunkan Pelan Tindakan



Bengkel Pelan Pelaksanaan pada 20 -23 Disember 2021



Para peserta dan urusetia Bengkel Pelan Pelaksanaan yang diadakan pada 20 -23 Disember 2021

Bengkel terakhir bagi pembangunan PSP MOT 2021-2025 iaitu Bengkel Dokumentasi yang bakal dilaksanakan pada bulan Februari 2022. PSP MOT 2021-2025 dijangka selesai dimuktamadkan pada suku pertama tahun 2022.

BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT

Projek Pembangunan Sistem MOT Legal Opinion Repository (MLOR) Bagi Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU).

Projek Pembangunan Sistem MOT Legal Opinion Repository (MLOR) bagi Pejabat Penasihat Undang-undang (PUU) telah dibangunkan secara dalaman bermula pada bulan Oktober 2021 dan siap pada bulan Januari 2022. Sistem tersebut digunakan sebagai platform pangkalan data pandangan undang-undang bagi menyimpan rekod dokumentasi secara digital dan memudahkan pengguna untuk membuat carian. Inisiatif ini dapat meningkatkan prestasi operasi Pejabat PUU dalam aspek penyimpanan rekod dokumen undang-undang secara digital. Sistem ini juga dibangunkan dengan fungsi carian dokumen yang lebih komprehensif untuk memastikan setiap dokumen yang disimpan mampu dicari dengan mudah dan berkesan.

BPM juga telah mengadakan beberapa aktiviti pembangunan sistem yang mana salah satu aktiviti utamanya adalah sesi pengujian sistem. Selain itu, beberapa sesi perjumpaan telah diadakan bersama pihak Pejabat PUU bagi memastikan sistem tersebut mempunyai kapasiti dan kemampuan untuk menampung keperluan.



Sistem Pengurusan Maklumbalas Audit Dalam

Sistem Pengurusan Maklumbalas Audit Dalam dibangunkan untuk kegunaan Unit Audit Dalam MOT bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan pengurusan audit dalaman secara atas talian dengan lebih sistematik, efektif dan selamat. Sistem ini membolehkan pemantauan mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) mengikut warna lampu isyarat dan telah dijadualkan pelaksanaannya mulai bulan Ogos 2021.


Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE)

Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) dibangunkan untuk kegunaan syarikat-syarikat sektor logistik dan pengangkutan komersial bagi memperolehi kebenaran beroperasi sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) mulai 13 Januari 2021. Kenderaan perdagangan yang dimaksudkan terdiri daripada Lori dan haulier, bas, teksi dan courier. Sistem tersebut menerima permintaan yang terlalu tinggi dan keupayaan memproses permohonan pengesahan pengoperasian hanya boleh diselesaikan dalam tempoh 72 jam dengan mengambil kira bilangan permohonan baharu yang diterima. Pengaktifan pelaksanaan sistem ini berkuatkuasa pada 5 Julai 2021 dan pemohon boleh memuat turun surat pengesahan pengoperasian semasa tempoh Pelan Pemulihan Negara (PPN).

Portal Intranet Baharu (insight.mot.gov.my)


Portal Intranet Baharu (insight.mot.gov.my) dibangunkan sebagai satu pusat sehenti bagi aplikasi dan maklumat terkini MOT. Laman ini bertujuan untuk berkongsi maklumat dan hebahan serta menempatkan sistem-sistem dalaman MOT bagi kemudahan warga MOT. Laman ini telah mengetengahkan pembaharuan yang lebih informatif, kemas dan mesra pengguna. Di antara kategori maklumat yang dipaparkan ialah capaian pautan berpusat untuk kesemua aplikasi warga MOT, capaian mudah ke laman mikro MOT dan tidak ketinggalan juga disediakan capaian maklumat aktiviti MOT dan ruangan muat turun dokumen/borang rasmi MOT. Penampilan imej Portal Intranet baharu ini telah dilancarkan pada 9 Ogos 2021.

UNIT AUDIT DALAM






UNIT AUDIT DALAM



UNIT AUDIT DALAM



LATAR BELAKANG

Unit Audit Dalam, Kementerian Pengangkutan Malaysia (UAD MOT) ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan (PP) – Tadbir Urus Kewangan (PS) 3.1 (dahulu Pekeliling Perbendaharaan (PP) Bilangan 9 Tahun 2004). UAD merupakan sebahagian daripada komponen kawalan dalaman Kementerian dan menjalankan pengauditan secara bebas serta bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha MOT. UAD MOT diketuai oleh Ketua Unit Audit Dalam Gred W54 dan dibantu oleh 20 orang pegawai dari pelbagai gred dan bertanggungjawab menjalankan pengauditan di MOT dan Jabatan/Agensi di bawah MOT.

Di antara fungsi utama UAD MOT ialah:

- Mengkaji dan menilai tahap kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalaman Kementerian Pengangkutan Malaysia serta Jabatan dan Agensi di bawahnya.
- Mengkaji dan menilai tahap pematuhan kepada segala dasar, undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuat kuasa.
- Memastikan pengurusan aktiviti organisasi diuruskan secara berhemat, cekap dan berkesan.
- Memastikan pengurusan aset dan kepentingan organisasi dilindungi dari segi kehilangan, penipuan dan penyelewengan.
- Memberi khidmat nasihat/pandangan mengenai kawalan dalaman terhadap semua sistem termasuk sistem ICT.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Pelaksanaan Pengauditan Sepanjang Tahun 2021

Sepanjang tahun 2021, UAD MOT telah melaksanakan pengauditan seperti berikut :

- A. Pengauditan Pengurusan Kewangan
- B. Pengauditan Prestasi / ICT
- C. Pengauditan Pematuhan / Perolehan
- D. Pemeriksaan Mengejut
- E. Pengauditan Secara Online – Sistem Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (SPKPK)
 - A. *Self Assessment* oleh Pusat Tanggungjawab (PTJ) / Pusat Kos (PK)
 - B. Pengesahan *Self Assessment*
- F. Pengauditan Khas
- G. Pengesahan Terhadap Data Baki Awal Aset dan Liabiliti

A. Pengauditan Pengurusan Kewangan

Pengauditan ini dijalankan bertujuan untuk menilai sama ada Pengurusan Kewangan di pejabat yang diaudit dilaksanakan dengan teratur serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan, sistem kawalan dalaman bagi setiap elemen pengurusan kewangan yang dilaksanakan adalah berkesan dan efektif serta rekod dan dokumen yang berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Pada tahun 2021, pengauditan ini telah dilaksanakan di Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Cawangan Muar, JPJ Negeri Terengganu dan Jabatan Laut Malaysia (JLM) Wilayah Timur.

B. Pengauditan Prestasi / ICT

Pengauditan Prestasi dijalankan bertujuan untuk memastikan sesuatu projek/ program/aktiviti Kementerian/Jabatan serta penggunaan sumber kewangannya telah dirancang, dilaksanakan, digunakan dan dipantau dengan cekap, berhemat dan berkesan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan. Pengauditan ICT pula dilaksanakan bertujuan untuk memastikan kawalan pengurusan ICT, kawalan kemudahan ICT dan kawalan pengurusan aset ICT dilaksanakan dengan berkesan, mematuhi garis panduan dan peraturan yang berkuat kuasa dan rekod pengurusan ICT diselenggara dengan lengkap, teratur dan kemas kini.

Pada tahun 2021, sebanyak dua (2) Pengauditan Prestasi / ICT telah dilaksanakan iaitu :

- i. Pengauditan ICT Terhadap Projek Malaysian Maritime Department Information System (MMDIS) Jabatan Laut Malaysia; dan
- ii. Pengurusan Kemudahan Kenderaan dan Peralatan Projek Melalui Kontrak Kerja.

C. Pengauditan Pematuhan / Perolehan

Pengauditan Pematuhan dilaksanakan terhadap aktiviti yang berisiko untuk berlakunya pelanggaran proses kawalan dalaman dan peraturan kewangan semasa yang berkuat kuasa. Pengauditan Perolehan dijalankan bagi menentukan perolehan Kerajaan telah dilaksanakan dengan cekap, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan serta mengikut amalan tadbir urus yang baik. Pada tahun 2021, sebanyak dua (2) pengauditan telah dilaksanakan iaitu :

- i. Perolehan Melalui Pembelian Terus dan Sebut Harga di Kementerian Pengangkutan Malaysia; dan
- ii. Perolehan Lembaga Dius Api di Jabatan Laut Malaysia (JLM).

D. Pemeriksaan Mengejut

Pemeriksaan Mengejut dijalankan untuk membuat rumusan mengenai tahap prestasi pengurusan kewangan di Pusat Tanggung Jawab (PTJ) dan PK yang terlibat bagi menentukan sistem kawalan dalaman bagi setiap elemen pengurusan kewangan adalah berkesan dan efektif serta menilai sama ada hasil, wang awam, harta awam serta barang berharga diuruskan dengan teratur dan mematuhi segala peraturan kewangan dan rekod-rekod berkaitan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini. Pemeriksaan ini juga dijalankan untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan diaudit bahawa UAD MOT sentiasa memantau tahap pematuhan terhadap peraturan kewangan. Bagi tahun 2021, Pemeriksaan Mengejut telah dijalankan di dua (2) PTJ dan 11 PK melibatkan tiga (3) cawangan JPJ, empat (4) cawangan Pejabat JLM dan empat (4) cawangan APAD.

E. Pengauditan Secara Online – Sistem Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (SPKPK)

Pengauditan secara *online* menggunakan Sistem Penilaian Kendiri Pengurusan Kewangan (SPKPK) telah dilaksanakan kepada kesemua 51 PTJ dan 127 PK mulai 1 Disember 2021 hingga 21 Disember 2021. Skop pengauditan adalah dari bulan Januari hingga Disember 2021. UAD MOT telah melaksanakan pengesahan jawapan SPKPK ke atas PTJ dan PK terpilih pada bulan Januari dan Februari 2022 bagi mendapatkan gambaran yang lebih jelas terhadap pengurusan kewangan di PTJ dan PK. Secara keseluruhannya, pelaksanaan SPKPK di kesemua PTJ dan PK di bawah MOT telah membantu meningkatkan akauntabiliti Ketua-ketua Pejabat terhadap pengurusan kewangan di pejabat masing-masing.

F. Pengauditan Khas

Pengauditan Khas merupakan pengauditan yang dilaksanakan atas arahan Pengurusan Tertinggi Kementerian. Pada tahun 2021, UAD MOT telah melaksanakan satu (1) pengauditan khas iaitu Pengauditan ke atas Isu Pembayaran Material On-Site dan Pengalihan Utiliti bagi Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru (PLBEGJB).

G. Pengesahan Terhadap Data Baki Awal Aset dan Liabiliti


UAD MOT telah mengesahkan ketepatan data baki awal aset dan liabiliti MOT dan Agensi / Jabatan di bawah Kementerian setakat 31 Disember 2020 dan 30 Jun 2021 bagi tujuan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Berasaskan Perakaunan Akruan. Nilai Aset Tak Alih dan Aset Alih pada 31 Disember 2020 yang telah disahkan adalah berjumlah RM1.05 bilion. Manakala nilai Aset Tak Alih, Aset Alih dan Akaun Belum Terima pada 30 Jun 2021 yang telah disahkan adalah berjumlah RM5.43 bilion.

Pelaksanaan Mesyuarat Jawatankuasa Audit

Mesyuarat Jawatankuasa Audit (JKA) merupakan mekanisme pemantauan oleh Pengurusan Tertinggi bagi memantapkan dan mempertingkatkan tadbir urus khususnya dalam pengurusan kewangan Kementerian dan Jabatan/Agensi. Mesyuarat JKA membincangkan isu/perkara yang dibangkitkan sama ada oleh UAD atau Jabatan Audit Negara supaya tindakan sewajarnya diambil oleh pihak pengurusan agar kelemahan-kelemahan tersebut dapat diatasi dan tidak berulang di masa akan datang. UAD MOT telah melaksanakan empat (4) kali mesyuarat JKA bagi tahun 2021. Butiran pelaksanaan JKA Tahun 2021 adalah seperti berikut :

BIL.	MESYUARAT JKA	TARIKH MESYUARAT	BIL. LAPORAN PEMERHATIAN / PERBINCANGAN AUDIT	BIL. ISU YANG DILAPORKAN	BIL. ISU YANG TELAH SELESAI
1.	JKA Bil. 1/2021	08.03.2021	1	15	15
2.	JKA Bil. 2/2021	17.06.2021	2	78	77
3.	JKA Bil. 3/2021	28.09.2021	2	44	44
4.	JKA Bil. 4/2021	04.01.2022	2	155	149
JUMLAH			7	292	285

BIRO SIASATAN KEMALANGAN UDARA





BIRO SIASATAN KEMALANGAN UDARA



BIRO SIASATAN KEMALANGAN UDARA

LATAR BELAKANG



Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) atau Air Accident Investigation Bureau (AAIB), ditubuhkan pada 28 Mac 2013 adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 14 Disember 2011 ke atas Memorandum Menteri Pengangkutan No. M1002/2011 yang telah bersetuju dengan penubuhan BSKU di Kementerian Pengangkutan (MOT) sebagai sebuah entiti bebas untuk mengendalikan siasatan keselamatan ke atas semua kemalangan udara yang berlaku di dalam dan luar negara yang melibatkan pesawat di bawah pendaftaran Malaysia. BSKU juga bertanggungjawab terus kepada Menteri Pengangkutan sebagaimana yang disarankan oleh International Civil Aviation Organization (ICAO).

BSKU juga menjalankan tugas-tugas pencegahan kemalangan udara melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan secara berterusan. BSKU akan menyimpan semua rekod dan data tentang kes-kes kemalangan udara yang berlaku di Malaysia dan luar negara yang melibatkan pesawat di bawah pendaftaran Malaysia. Selain itu, BSKU juga akan menjalankan kajian terhadap kes-kes kemalangan udara yang telah berlaku dan sebarang penemuan serta langkah-langkah penambahbaikan dari segi keselamatan akan memberikan cadangan-cadangan kepada pihak-pihak berkenaan bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang menyebabkan berlakunya kemalangan udara tersebut, seterusnya dapat mengelak atau sekurang-kurangnya mengurangkan risiko berlakunya kemalangan udara di masa hadapan.

BSKU mempunyai fungsi seperti berikut:

- i) Mengetuai panel penyiasatan kemalangan udara;
- ii) Menentukan penyiasatan kemalangan udara dilakukan mengikut kehendak ICAO dan CAR 1996;
- iii) Menyediakan laporan hasil siasatan kemalangan udara berserta syor untuk dibentangkan kepada Menteri Pengangkutan selaras dengan CAR 1996;
- iv) Mengumpul rekod dan menganalisis semua maklumat yang ada mengenai kemalangan atau insiden;
- v) Menentukan sebab-sebab dan kesahihan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemalangan udara;
- vi) Bertanggungjawab ke atas bangkai pesawat, alat perakam data dan suara, serta kawasan kemalangan bagi tujuan menyiasat punca kemalangan sesuatu kemalangan udara;
- vii) Menyelaras tindakan dengan agensi keselamatan yang berkenaan untuk mengawal kawasan kemalangan dan bahan-bahan bukti supaya tidak dicemari atau diganggu;
- viii) Menyediakan laporan berkaitan dengan penyiasatan dan keselamatan kemalangan udara;
- ix) Merangka cadangan keselamatan untuk menangani isu-isu keselamatan;
- x) Melengkapkan laporan penyiasatan; dan
- xi) Mempertingkatkan kesedaran dan kefahaman pencegahan kemalangan dalam semua komuniti penerbangan.

PENCAPAIAN / PELAKSANAAN PROGRAM / AKTIVITI TAHUN 2021

Kursus Penyiasatan Kemalangan Kapal Terbang (Aircraft Accident Investigation Course)

Pada tahun 2021, sebanyak 2 siri Kursus Penyiasatan Kemalangan Kapal Terbang (Aircraft Accident Investigation' Course) telah berjaya dilaksanakan melibatkan seramai 50 orang penuntut bertempat di Akademi Penerbangan Malaysia (MAvA), Sepang, Selangor. Biro Siasatan Kemalangan Udara (BSKU) telah dijemput oleh MAvA sebagai tenaga pengajar untuk kedua-dua kursus tersebut.

Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para peserta mengenai peraturan, panduan, tatacara serta selok belok menjalankan penyiasatan kemalangan kapal terbang dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kesedaran keselamatan penerbangan (Aviation Safety Conscious) ditambah pula dengan perkongsian pengalaman oleh penceramah-penceramah yang pernah dan sering terlibat dalam penyiasatan kemalangan kapal terbang di Malaysia. Tenaga pengajar kursus ini terdiri daripada enam (6) orang Pegawai Penyiasat daripada BSKU serta tujuh orang pakar dalam pelbagai bidang yang berkaitan.

Setelah menamatkan kursus ini, para peserta diharapkan boleh menjalankan penyiasatan kemalangan kapal terbang, namun pegawai terbabit perlu bertugas di bawah penyeliaan *Investigator In-Charge* untuk pemantauan.

BIRO SIASATAN KEMALANGAN UDARA







KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA

No. 26, Jalan Tun Hussein, Presint 4, 62100 Wilayah Persekutuan Putrajaya

Tel. : 03 8000 8000 · Faks : 03 8888 0158 · E-mel : aduan@mot.gov.my

www.mot.gov.my motmalaysia ministryoftransportmy